

BIL	TAJUK	TARIKH	SURATKHABAR
1	WANITA DAN KEWANGAN : DUIT ATAU CINTA, MANAKAH PENENTU BAHAGIA?	1 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
2	BURSA MALAYSIA CEMERLANG TUTUP TIRAI 2024	1 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
3	RINGGIT MUNCUL MATAWANG TERBAIK ASIA 2024	1 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
4	EKONOMI MALAYSIA DIRAMAL TERUS STABIL, KALIS CABARAN	1 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
5	PENGKELASAN ISI RUMAH TAK CERMINKAN REALITI SEBENAR	1 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
6	PROGRAM KPBPB PUPUK TABIAT MENABUNG DALAM KALANGAN PELAJAR	1 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
7	BURSA MALAYSIA MAMPU TARIK SEMUA PELABUR ASING, CECAH 1850 MATA	3 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
8	RINGGIT, BURSA MALAYSIA DIJANGKA KEKAL CEMERLANG	3 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
9	BNM DIJANGKA SUKAR TURUNKAN OPR TAHUN INI	3 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
10	RINGGIT BERPOTENSI CECAH RM3.90 BERBANDING DOLAR AS TAHUN INI	6 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
11	MALAYSIA SEDIA TERAJUI ASEAN TINGKAT PERDAGANGAN SERANTAU	7 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
12	PRESTASI RINGGIT DAHULUI KEBANYAKAN MATA WANG SERANTAU	7 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
13	PENGKELAN OPR PENDEKATAN PALING BERHEMAT IMBANGI PERTUMBUHAN EKONOMI	7 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
14	ZON EKONOMI FOKUS SEKTOR BAHARU, TRADISIONAL	8 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
15	NEGARA KEKURANGAN BAKAT MAHIR SOKONG INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI	8 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
16	EKONOMI MALAYSIA KEKAL BERDAYA TAHAN	9 JANUARI 2025	SINAR HARIAN
17	KERJASAMA STRATEGIK DEMI EKONOMI BUMIPUTRA	9 JANUARI 2025	SINAR HARIAN
18	MALAYSIA GUNA PENDEKATAN GLOBAL RANGKA DASAR RMK13	10 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
19	PUSAT DATA PERLU SEIMBANGKAN TUNTUTAN EKONOMI, ALAM SEKITAR	13 JANUARI 2025	BERITA HARIAN

BIL	TAJUK	TARIKH	SURATKHABAR
20	RINGGIT MUNGKIN BERDEPAN TURUN NAIK KETARA TAHUN INI	13 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
21	USAHA TERSELARAS BNM BAWA DANA KE MALAYSIA STABILKAN RINGGIT	14 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
22	HARGA SAWIT RM4,800 SATU TAN DIJANGKA SEHINGGA JUN	14 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
23	INDUSTRI SAWIT MALAYSIA REKOD PRESTASI CEMERLANG PADA 2024	15 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
24	GAJI PEKERJA MALAYSIA DIUNJUR NAIK ANTARA DUA HINGGA TIGA PERATUS	15 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
25	EKONOMI MALAYSIA DIJANGKA BERKEMBANG LEBIH TEGUH TAHUN INI	15 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
26	EKSPORT SAWIT DIJANGKA NAIK 2.4 PERATUS	15 JANUARI 2025	SINAR HARIAN
27	MALAYSIA KEKALKAN KADAR PERTUMBUHAN TAHUN INI	21 JANUARI 2025	SINAR HARIAN
28	JUALAN KENDERAAN CATAT REKOD TERTINGGI TAHUN LALU	22 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
29	PASARAN E-DAGANG DIJANGKA KUKUH	22 JANUARI 2025	SINAR HARIAN
30	BNM KEKAL OPR 3.0 PERATUS, KALI KE-10 BERTURUT-TURUT	23 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
31	DUA FAKTOR BERPOTENSI PENGARUH PENETAPAN OPR	24 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
32	EMAS BERPOTENSI CATAT REKOD TERTINGGI BAHARU	24 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
33	MUDAHKAN RAKYAT BUAT KEPUTUSAN PEMBIAYAAN	24 JANUARI 2025	SINAR HARIAN
34	COFFEE SECTOR GETTING MORE DYNAMIC AND COMPETITIVE	24 JANUARY 2025	NEW STRAITS TIMES
35	MEK AH CHAI UTAMA KESEMPURNAAN HASILKAN KUIH BAKUL	27 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
36	REFORMASI DASAR PACU PERMINTAAN DOMESTIK BERDEPAN CABARAN GLOBAL	27 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
37	KREATIVITI SENI KAIT KINI BERINOVASI, PELBAGAI PILIHAN	28 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
38	DOSM JANGKA PROSPEK EKONOMI KEKAL KUKUH	29 JANUARI 2025	BERITA HARIAN

BIL	TAJUK	TARIKH	SURATKHABAR
39	42,689 USAHAWAN RAIH MANFAAT PEMBIAYAAN RM1.084 BILION	29 JANUARI 2025	BERITA HARIAN
40	MALAYSIA BERPOTENSI RAIH MANFAAT JANGKA PANJANG	29 JANUARI 2025	BERITA HARIAN

BERITA HARIAN

1 JANUARI 2025

NST|WANITA DAN KEWANGAN : DUIT ATAU CINTA, MANAKAH PENENTU BAHAGIA?| MS 16

Wanita dan Kewangan: Duit atau Cinta, Manakah Penentu Bahagia?

ASNB pilihan simpanan jamin masa depan

Kuala Lumpur: Wanita disarankan melengkapkan diri dengan ilmu perancangan kewangan keluarga bagi memastikan objektif dalam sesebuah perkahwinan itu berjaya dicapai sekiranya berlaku kejadian tidak diingini.

Ia juga membabitkan budaya menyimpan sejak awal dengan antara simpanan disarankan ialah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang bersifat pelaburan rendah dan selamat.

Ikon Wanita Wilayah Persekutuan 2024/25, Norrizah Muhamad Yusof, berkata ilmu perancangan kewangan keluarga itu disifatkan saling berhubung kait dengan kehidupan kekeluargaan tidak kira sama ada wanita sudah berkahwin itu berkerjaya atau menjadi suri rumah saja.

Katanya, formula penting berdasarkan ilmu kewangan perlu dimiliki setiap keluarga adalah memastikan 10 peratus simpanan daripada gaji bersih untuk persediaan kecemasan (takaful) dan 20 peratus untuk pelaburan adalah penting demi menjamin masa depan keluarga berkenaan.

“Dalam perancangan kewangan keluarga ini, kita memerlukan masa, sedangkan masa itu adalah risiko. Justeru, kita perlu ada wang untuk persediaan pada masa hadapan seperti persaraan dan pendidikan.

“Pemikiran orang sekarang ialah mereka terikut-ikut dengan membuat pinjaman daripada menyimpan. Seeloknya, lakukan simpanan sejak awal untuk kepentingan masa depan.

“Wanita juga perlu lakukan konsep simpan dulu baru belanja,” katanya dalam Podcast HM: Apa-Apa Saja Topik Wanita dan Kewangan: Duit atau Cinta Manakah Penentu Bahagia?

ASNB pelaburan selamat

Norriza yang juga usahawan berkata, sekiranya tabiat itu dapat dilakukan, ia boleh membentuk sikap yang baik dalam keluarga, mencipta budaya menyimpan dengan baik dengan boleh menjadi contoh kepada anak-anak untuk mempunyai usaha menyimpan dari awal.

Katanya, antara simpanan yang boleh dipilih oleh wanita



Norriza dalam Podcast HM: Apa-Apa Saja Topik Wanita dan Kewangan: Duit atau Cinta Manakah Penentu Bahagia? di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

ialah ASNB bersifat pelaburan berisiko rendah, selamat dan unitnya adalah tetap serta tidak hilang.

“Jika wanita tidak ada ilmu pengurusan kewangan, ASNB boleh menjadi pilihan dan secara tidak langsung dapat mengelakkan diri daripada diperdaya.

“Suri rumah mendapat nafkah wang daripada suami pula, dia boleh menyimpan sebahagian di ASNB juga kerana kini semuanya di hujung jari, jadi tiada alasan untuk tidak menyimpan.

“Mulakan pelaburan rendah, sederhana dan tinggi selepas itu. Kita tidak tahu apa ujian akan datang, jadi kena bersedia untuk ekonomi, kewangan sendiri dan

jadikan tabiat menyimpan itu juga sebagai keutamaan,” katanya.

Katanya, wanita perlu tahu bahawa untuk meneruskan kelangsungan hidup sekiranya berlaku kejadian tidak diingini seperti kematian suami, diberhentikan kerja dan sebagainya, penggantian pendapatan selama 10 tahun itu perlu ada.

“Sekiranya perbelanjaan sebulan ialah RM5,000, sekurang-kurangnya perlu ada RM600,000 untuk digunakan dalam tempoh 10 tahun itu supaya isteri itu tenang dan mudah untuk mencari kerja dalam tempoh berkenaan.

“Pada masa sama, wanita perlu tahu mengenai ilmu hibah dan

melakukan perbincangan dengan suami untuk sebarang pengagihan harta secara adil.

“Kita tidak boleh menidakkan faraid, tetapi ada juga penyelesaian diberikan dalam agama iaitu hibah, wasiat dan wakaf.

“Bagaimanapun, wanita yang mempunyai ekonomi baik, jangan sesekali berasa riak dengan suami dan sentiasa berbalik kepada agama.

“Pada masa sama, sentiasa belajar untuk ketajaman akal fikiran dan tingkatkan amal ibadah untuk kekuatan kerohanian serta bersangka baik dengan Allah,” katanya.

Untuk keterangan atau maklumat lanjut layari asnbademy.com.my

BERITA HARIAN

1 JANUARI 2025

BH | BURSA MALAYSIA CEMERLANG TUTUP TIRAI 2024 | MS 24

Bursa Malaysia cemerlang tutup tirai 2024



Melonjak hampir 13 peratus pencapaian kompetitif berbanding pasaran serantau

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Bursa Malaysia menutup tirai 2024 dengan prestasi positif, melonjak hampir 13 peratus berbanding tahun lalu, pencapaian yang dianggap kompetitif berbanding pasaran saham utama lain di Asia Tenggara seperti Singapura, Indonesia dan Thailand.

Indeks penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) menamatkan dagangan terakhirnya pada 2024 pada 1,642.33 mata, 12.90 peratus lebih tinggi berbanding penutup hari terakhir 29 Disember 2023 iaitu 1,454.66.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Anthony Dass, berka-

ta bursa tempatan memamerkan daya tahannya sepanjang 2024 meskipun berdepan pelbagai cabaran luaran disokong faktor penyumbang merangkumi kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang baik dan pengukuhan ringgit.

"Faktor penyumbang kepada prestasi Bursa Malaysia adalah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak 2022 membawa kepada persekitaran politik yang stabil, sekali gus meningkatkan keyakinan pelabur.

"Dalam masa sama, pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh dan dasar ekonomi yang mantap menyokong prestasi pasaran saham tempatan, selain disokong pengukuhan ringgit yang menjadi mata wang berprestasi terbaik di Asia pada 2024, meningkat lebih 5.0 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS)," katanya kepada *BH*.

Bursa Malaysia menunjukkan prestasi yang kompetitif selepas mencatat peningkatan sebanyak 5.60 peratus pada suku pertama, menjadikannya pasaran saham kedua terbaik di ASEAN.

Berdasarkan perbandingan serantau, pada separuh pertama 2024, pasaran saham Malaysia

mengekalkan kedudukan sebagai pasaran kedua terbaik di ASEAN, menunjukkan daya tahan dan minat pelabur yang berterusan.

Mengulas lanjut, Dass berkata, pencapaian itu turut disokong aktiviti tawaran awam permulaan (IPO) dan aliran pelaburan asing yang positif sepanjang tahun ini.

"Dari aspek aktiviti IPO, separuh pertama 2024 menyaksikan Malaysia dana IPO sebanyak AS\$450 juta (RM2.01 bilion), tertinggi dalam kalangan bursa Asia Tenggara, menyumbang 33 peratus daripada jumlah hasil IPO serantau berbanding Thailand (RM1.91 bilion), Indonesia (RM1.12 bilion) dan Singapura (RM89.3 juta)," katanya.

Peningkatan IPO 107 peratus

Pada 2024, Bursa Malaysia mencatatkan 55 IPO bernilai RM7.42 bilion, peningkatan sebanyak 107 peratus berbanding tahun lalu.

Permodalan pasaran keseluruhan berdasarkan harga IPO berjumlah RM31.37 bilion, melonjak 130 peratus daripada tahun sebelumnya.

Antara yang paling menonjol ialah penyenaaraan 99 Speed Mart Retail Holdings Bhd, yang menjadi IPO terbesar dalam tempoh tujuh tahun dengan mengumpul sebanyak RM2.36 bilion.

Dass berkata, prestasi syarikat korporat turut memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kestabilan Bursa Malaysia

sepanjang tahun ini.

"Faktor seperti pertumbuhan pendapatan, strategi pengurusan dan penyertaan sektor utama seperti perbankan, minyak dan gas (O&G), telekomunikasi, pembinaan dan hartanah mendorong sentimen positif di pasaran saham Malaysia," katanya.

Beliau berkata, meskipun mencatat prestasi baik tahun ini, Bursa Malaysia turut menghadapi beberapa cabaran utama yang mempengaruhi prestasi dan dinamik pasaran.

"Terdapat kekurangan kecairan dalam pasaran di mana pasaran saham Malaysia didominasi oleh pelabur institusi besar, seperti dana pencen dan dana kekayaan negara. Selain itu, menjelang akhir 2024, Bursa Malaysia menunjukkan prestasi yang lemah.

"Walaupun menghadapi beberapa cabaran sepanjang 2024 termasuk kekurangan kecairan dan penurunan keyakinan pelabur, usaha berterusan oleh pengendali bursa dan pengawal selia untuk meningkatkan struktur pasaran dan menarik pelaburan baharu diharapkan dapat mengatasi cabaran ini dan memperkukuh pasaran saham Malaysia pada masa hadapan," katanya.

Faktor penyumbang kepada prestasi Bursa Malaysia adalah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak 2022 membawa kepada persekitaran politik yang stabil, sekali gus meningkatkan keyakinan pelabur

Anthony Dass,
Pengarah Eksekutif MIER



BERITA HARIAN

1 JANUARI 2025

BH | RINGGIT MUNCUL MATAWANG TERBAIK ASIA 2024 | MS 24

Ringgit muncul mata wang terbaik Asia 2024

Ringgit mencatat prestasi positif berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) apabila mengakhiri 2024 sebagai mata wang Asia dan pasaran baru muncul terbaik sepanjang tahun ini.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Anthony Dass, berkata ringgit menunjukkan prestasi yang memberangsangkan berbanding dolar AS sepanjang 2024 selepas mengukuh 14.4 peratus pada September, menjadikannya antara mata wang dengan prestasi terbaik pada peringkat global.

Beliau berkata, faktor utama mempengaruhi turun naik ringgit pada 2024 termasuk kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi kukuh yang meningkatkan keyakinan pelabur terhadap

Malaysia, mendorong aliran masuk modal dan permintaan terhadap mata wang tempatan.

"Dari awal tahun hingga penutup 2024, ringgit mencatatkan kenaikan sekitar 11.4 peratus berbanding dolar AS.

"Secara keseluruhan, prestasi positif ringgit pada 2024 didorong oleh kombinasi faktor domestik dan global, termasuk kestabilan politik, dasar monetari yang berhati-hati, harga komoditi yang menguntungkan dan sentimen pasaran yang positif terhadap ekonomi Malaysia," katanya kepada *BH*.

Sementara itu, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata prestasi ringgit dilihat begitu memberangsangkan tahun ini

meskipun berdepan dengan pelbagai ketidaktentuan pasaran.

"Cabaran utama adalah jangkaan pengurangan kadar faedah di AS yang mana pada suku pertama dan kedua tahun nilai ringgit dinilai mencecah paras RM4.8000 pada Februari dan April disebabkan kadar inflasi di AS yang masih tinggi.

"Namun, situasi ini berubah pada suku ketiga apabila kadar inflasi AS merosot dan terdapat tanda-tanda ekonomi AS yang melemah sehingga mendorong nilai ringgit mengukuh ke paras RM4.1235 pada akhir September 2024.

"Ringgit mencatatkan prestasi yang memberangsangkan berbanding dolar AS di Asia dan negara membangun dengan kenaikan tertinggi iaitu 2.76 per-

tus dan diikuti oleh dolar Hong Kong 0.61 peratus dan baht Thailand 0.13 peratus," katanya.

Mohd Afzanizam berkata, ringgit berdepan turun naik selepas suku ketiga apabila ekonomi AS dilihat masih kukuh dengan kadar inflasi negara itu dilihat sukar untuk mencecah paras sasaran 2.0 peratus.

Katanya, cabaran bertambah dengan faktor kemenangan Donald Trump pada Pilihan raya Presiden AS pada 5 November yang menyebabkan ringgit mula menyusut kembali ke paras RM4.5060 pada 20 Disember sebelum kembali pulih di bawah paras RM4.50 pada penghujung 2024 sebelum berakhir pada RM4.4725 semalam.

"Faktor luaran banyak mempengaruhi nilai ringgit. Namun,

tidak dinafikan bahawa faktor dalaman juga memainkan peranan melalui kestabilan politik serta pelaksanaan dasar ekonomi dengan lebih konsisten membantu menarik minat pelabur asing datang dan membeli instrumen pelaburan seperti ekuiti dan bon.

"Dasar ekonomi yang jelas serta dilaksanakan secara konsisten boleh meningkatkan daya saing negara dalam tempoh sederhana dan jangka panjang," katanya.

Beliau menjelaskan, Bank Negara Malaysia (BNM) dilihat mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras 3.0 peratus sehingga 2025, dengan situasi itu seharusnya membantu menaikkan nilai ringgit.

BERITA HARIAN

1 JANUARI 2025

BH|EKONOMI MALAYSIA DIRAMAL TERUS STABIL, KALIS CABARAN| MS 25

Ekonomi Malaysia diramal terus stabil, kalis cabaran

Dasar utama seperti NETR, NIMP 2030 jadi panduan bagi kemudi ekonomi negara

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Ekonomi Malaysia pada 2025 dijangka akan terus kekal stabil meskipun bakal berdepan dengan pelbagai cabaran yang datang dari pelbagai sudut.

Ketua Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata cabaran utama adalah iklim ekonomi global dengan tampuk pimpinan yang baharu di Amerika Syarikat (AS) iaitu Presiden terpilih Donald Trump yang dijangka bersifat *protectionist* melalui penggunaan tarif import bagi melindungi industri tempatan negara itu.

Selain itu, suasana geopolitik di Asia Barat dan Eropah Timur membabitkan kuasa ketenteraan juga berpotensi mengganggu guat rantaian perniagaan global

terutama dari sudut logistik serta kos bahan mentah seperti minyak mentah dan makanan.

"Justeru, kerajaan melalui dasar-dasar yang utama seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Industri Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan juga Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dijangka menjadi panduan bagi mengemudi ekonomi Malaysia bagi tempoh sederhana dan jangka masa panjang.

"Selain itu, peruntukan Belanjawan 2025 berjumlah RM421 bilion seharusnya dapat membantu rakyat dan golongan peniaga untuk mengharungi cabaran ekonomi dengan lebih baik melalui program bantuan tunai, insentif cukai dan bukan cukai serta akses kepada pembiayaan," katanya kepada BH.

Mohd Afzanizam berkata, semua faktor berkenaan seharusnya membantu dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

"Namun, usaha kerajaan terutama daripada sudut komunikasi berkenaan isu-isu dasar perlu diselenggara dengan baik supaya maklumat dan tujuan dasar terutama dasar yang kurang popular seperti rasionalisasi subsidi, kenaikan dan pengenalan cukai baharu perlu diperjelaskan secara konsisten dan berkala.

"Selain itu, segala bentuk han-

tuhan dan insentif perlulah sampai kepada golongan sasaran dalam jangkamasa yang munasabah agar kesannya itu dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat," katanya.

Perkukuh diplomasi ekonomi

Sementara itu, penganalisis geopolitik dan hubungan antarabangsa, Dr Zokhri Idris berkata, kepengurusan ASEAN 2025 bermula hari ini dijangka membawa peluang besar kepada Malaysia untuk memperkukuhkan diplomasi ekonomi secara lebih berkesan di peringkat serantau dan global.

Katanya, acara itu akan menjadikan Malaysia tumpuan bukan sahaja negara-negara ASEAN tetapi juga kuasa besar dunia.

"Dalam keadaan geopolitik yang semakin mencabar pada

tahun-tahun mendatang, kita berharap Malaysia dapat menyeimbangkan ketegangan antara kuasa-kuasa ekonomi besar dunia sambil menyemarakkan ASEAN centrality.

"Ini bertujuan memastikan ASEAN kekal sebagai hab ekonomi yang stabil dan relevan di pentas dunia," katanya.

Dr Zokhri menambah, Malaysia turut berpotensi meneroka lebih banyak pasaran dalam kalangan negara BRICS dan BRICS+ dengan membawa industri halal tempatan ke peringkat antarabangsa.

"Industri halal Malaysia berpeluang menembusi pasaran lebih luas, khususnya di negara-negara BRICS seperti China dan Afrika Selatan yang memiliki kuasa pembeli besar," katanya.

Segala bentuk bantuan dan insentif perlulah sampai kepada golongan sasaran dalam jangkamasa yang munasabah agar kesannya itu dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ekonomi Bank
Muamalat Malaysia Bhd



Pengkelasan isi rumah tak cerminkan realiti sebenar

Kajian KRI dapati klasifikasi kumpulan tidak miliki corak perbelanjaan seragam

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

Kajian terkini Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) mendapati pengkelasan isi rumah kepada bawah 40 (B40), pertengahan 40 (M40), dan teratas 20 (T20) tidak mencerminkan realiti sebenar stratifikasi ekonomi isi rumah di Malaysia.

Mengikut kertas kerja terkini KRI yang bertajuk "Mencari 'golongan miskin' dan 'kelas pertengahan' di Malaysia", model yang digunakan menunjukkan penyimpangan ketara daripada klasifikasi B40, M40 dan T20, serta menawarkan perspektif baharu terhadap stratifikasi ekonomi.

"Analisis kami menunjukkan bahawa pengkelasan semasa ti-

dak mencerminkan realiti stratifikasi ekonomi isi rumah di Malaysia. Penemuan ini menimbulkan persoalan penting mengenai ketepatan klasifikasi B40, M40, dan T20 yang digunakan oleh kerajaan Malaysia.

"Selama hampir 15 tahun, dari Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) hingga Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), Malaysia telah menggunakan klasifikasi ini sebagai asas dasar ekonomi.

"Namun, kebanyakan dasar menyamakan B40 dengan isi rumah miskin dan M40 dengan kelas pertengahan atau isi rumah 'bercita-cita tinggi/kelas aspirasi'. Kertas kerja ini mendapati bahawa klasifikasi itu mungkin tidak lagi mencerminkan realiti kerana kumpulan isi rumah dalam kategori ini tidak memiliki corak perbelanjaan yang seragam," katanya.

Keperluan asas

Menurut KRI, corak perbelanjaan golongan antara B20 dan T30, yang boleh disebut sebagai M50, kelihatan agak seiras, dengan isi rumah dalam kumpulan berkenaan masih menghadapi kompromi antara memenuhi keperluan asas dan membeli produk yang lebih beraspirasi.

Katanya, walaupun sesetengah isi rumah mampu menikmati sedikit perbelanjaan tambahan, seperti makan di luar atau menghantar anak ke kelas tambahan, mereka masih mengalami kompromi dalam kesejahteraan dan taraf hidup.

"Golongan M50 ini bukanlah kelas pertengahan sebenar dan masih terdedah kepada risiko ekonomi. Oleh itu, lebih tepat untuk menyatakan bahawa hanya 30 peratus teratas daripada jumlah isi rumah tergolong dalam kelas pertengahan atau kelas aspirasi.

"Penemuan ini mencabar ketepatan pengelasan semasa dan mencadangkan pembahagian berikut iaitu 20 peratus terbawah (B20) merujuk pada isi rumah yang tertumpu kepada memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, dan pakaian.

"50 peratus pertengahan (M50) menghadapi kompromi antara keperluan asas dan barangan aspirasi, menandakan kerentanan ekonomi, manakala 30 peratus teratas (T30) merujuk pada isi rumah yang menunjukkan corak perbelanjaan aspirasi yang mencerminkan kelas pertengahan, tetapi tidak semestinya 'kaya' mengikut stan-

dard global," katanya.

Ia menambah, pengkelasan ini, walaupun berguna, perlu difahami sebagai ukuran perbandingan relatif dalam konteks sesebuah masyarakat.

"Sebagai contoh, golongan terkaya di negara miskin mungkin dianggap masih miskin jika dibandingkan dengan negara kaya. Dengan memahami had pengkelasan ini, ia boleh menjadi kaedah yang berguna untuk merangka dasar yang lebih sesuai bagi menangani isu yang dihadapi kumpulan tertentu," katanya.

Kertas kerja terkini KRI itu adalah kemas kini kepada model Ruang Perbelanjaan yang telah diterbitkan pada 2019.

Model berkenaan dibangunkan berdasarkan kajian terdahulu oleh Hausmann dan Klinger (2006), Hidalgo et al. (2007), serta Hidalgo dan Hausmann (2009).

Model ini menghasilkan pengkelasan baharu isi rumah berdasarkan corak perbelanjaan sebenar, yang mendedahkan struktur asas perbelanjaan isi rumah, daripada keperluan asas kepada barangan dan perkhidmatan kompleks.

Kertas kerja KRI itu disediakan oleh Penyelidik Bersekutu, Gregory Ho dan Pengarah Penyelidikan, Suraya Ismail.

BERITA HARIAN

1 JANUARI 2025

BH| PROGRAM KPBPBNB PUPUK TABIAT MENABUNG DALAM KALANGAN
PELAJAR| MS 26

Program KPBPBNB pupuk tabiat menabung dalam kalangan pelajar

Permodalan Nasional Bhd (PNB) kekal teguh dalam mencapai matlamat untuk mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat merentas generasi.

Ketua Pegawai Eksekutif Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB), Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee, berkata program Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPBNB) bertujuan untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan pengetahuan kewangan yang kukuh, termasuk perancangan kewangan dan pelaburan, seawal usia bermula dari zaman persekolahan mereka.

"Perancangan kewangan adalah asas penting untuk mencapai kestabilan ekonomi dan kejayaan di mana PNB menyeru pelajar untuk memulakan pelaburan lebih awal untuk terus meningkat dan mengekalkan simpanan bagi menikmati manfaat jangka panjang iaitu kuasa pengkompaunan.

"ASNB menyediakan akses-

biliti untuk semua rakyat Malaysia memulakan pelaburan serendah RM10 di mana aspek paling penting bagi kami adalah memupuk tabiat kewangan yang positif, terutama dalam kalangan generasi muda," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Fadzihan Abbas berkata, konsistensi dalam pelaburan adalah kunci untuk membina kekayaan jangka panjang, di mana dengan pengkompaunan dividen, nilai pelaburan akan terus berkembang dari masa ke masa.

PNB menganjurkan Kuiz Pelaburan PNB dengan hadiah berupa unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) bernilai RM3,600.

Kuiz itu menawarkan hadiah dalam bentuk unit ASB atau mana-mana unit amanah yang diuruskan oleh ASNB dengan jumlah keseluruhan hadiah sebanyak RM11,700.



ASNB menyediakan aksesibiliti untuk semua rakyat memulakan pelaburan serendah RM10.
(Foto Aziah Azmee/BH)

Naib johan menerima unit bernilai RM3,000 dan pemenang tempat ketiga dianugerahkan unit bernilai RM2,100 manakala dua hadiah sagu hati turut diberikan kepada finalis, masing-masing bernilai RM1,500.

Kuiz Pelaburan PNB mene-

rima 12,739 penyertaan pada 2024, menjadikan jumlah keseluruhan penyertaan sejak ia dilancarkan sebanyak 448,353.

Muhammad Nur Iman dari SMK Bandar Baru Seriting, Negeri Sembilan telah menjuarai pertandingan ini.

BERITA HARIAN

3 JANUARI 2025

BH | BURSA MALAYSIA MAMPU TARIK SEMUA PELABUR ASING, CECAH 1850
MATA | MS 23

Bursa Malaysia mampu tarik semula pelabur asing, cecah 1,850 mata



Sektor tenaga, teknologi berkaitan AI dijangka pengaruhi strategi pelabur tahun ini

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Jangkaan pertumbuhan ekonomi yang positif, kestabilan politik dan kos menjalankan perniagaan yang munasabah dijangka mendorong pelabur asing untuk kembali ke Bursa Malaysia, yang muncul pasaran saham kedua terbaik di Asia Tenggara tahun lalu di belakang Singapura.

Pasaran saham tempatan tahun lalu kebanyakannya disokong oleh institusi tempatan selepas menyaksikan pelabur asing melakukan penjualan bersih saham, terutama pada penghujung 2024.

Setakat 11 bulan 2024, jualan

bersih pelabur asing berada pada RM1.09 bilion, berbanding belian bersih berjumlah RM3.8 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2024.

Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata selera risiko pelabur asing menuju ke hadapan amat bergantung kepada keputusan Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) berkenaan hala tuju kadar faedah.

"Buat masa ini, ekonomi AS dilihat dalam keadaan yang baik dengan pasaran pekerjaan di tahap yang sihat dan menterjemahkan perbelanjaan isi rumah yang terus berkembang pada paras 3.0 peratus pada suku ketiga 2024 berbanding 2.7 peratus pada tempoh sebelumnya.

"Di samping faktor luaran, penilaian harga saham di Malaysia masih lagi menarik. Indeks indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) dilihat didagangkan dengan nisbah harga pendapatan

(PE) sekitar 15 kali berbanding purata jangka panjang iaitu 17.1 mata.

"Justeru, justifikasi bagi pelabur asing untuk membeli adalah jelas kerana harga saham di Malaysia rata-ratanya dalam penilaian yang berada dalam keadaan yang terkurang nilai. Oleh itu, kemungkinan bagi pelabur asing untuk kembali ke Malaysia adalah tinggi," katanya kepada *BH*.

Mengulas lanjut, Mohd Afzanizam berkata, sekiranya nisbah PE kembali ke paras purata, iaitu 17.1 kali, FBM KLCI sepatutnya boleh mencecah 1,850 mata.

"Justeru, memang terdapat kemungkinan bagi Bursa Malaysia untuk kembali ke paras yang lebih tinggi kerana tiga tahun berturut-turut, indeks berkenaan berada di paras negatif dan tahun lalu FBM KLCI berjaya meningkat 12.9 peratus," katanya.

Beliau berkata, sektor seperti perbankan, pembinaan, utiliti, teknologi hartanah dan pengunaan dijangka menerajui harga sa-

ham di Bursa Malaysia pada tahun ini.

"Sudah pasti sektor teknologi, tenaga hijau, kewangan, perladangan, atau penjagaan kesihatan memainkan peranan penting. Sektor teknologi banyak menyumbang di dalam sektor eksport negara dengan menyumbang sekitar 39.6 peratus kepada keseluruhan eksport negara bagi tempoh 11 bulan 2024.

"Sektor ini dijangka mendapat manfaat daripada perkembangan kecerdasan buatan (AI) yang mana penggunaan cip mikro berkuasa tinggi begitu menular dan perkara akan memberi kesan limpahan positif kepada pengeluaran tempatan yang berkaitan dalam rantai perniagaan ini.

"Selain itu, perkembangan pusat data (DC) juga selaras dengan perkembangan AI dan teknologi awan yang banyak menggunakan infrastruktur DC.

Strategi pikat pelabur

Sementara itu, Remisier Inter-Pacific Securities Sdn Bhd, Zainal Ariffin Osman, berkata sektor tenaga dan teknologi berkaitan AI dijangka mempengaruhi strategi pelabur tempatan dan asing

bermula tahun ini.

Katanya, sektor yang dijangka menjadi pemangkin kepada pergerakan positif Bursa Malaysia adalah pembinaan, teknologi dan utiliti.

"Data ekonomi terkini seperti kadar inflasi, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), atau kadar faedah mempengaruhi keyakinan pelabur tahun ini," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai prestasi hari pertama Bursa Malaysia semalam, Zainal berkata, FBM KLCI dibuka rendah pada paras 1,641.32 dan terus merosot dan mencapai paras terendah 1,632.75, setakat jam 11.30 pagi.

"Hampir semua pasaran serantau bermula dengan negatif dan ini juga mempengaruhi pasaran Malaysia," katanya.

Bursa Malaysia ditutup 1,632.87 mata, susut 9.46 mata atau 0.58 peratus pada hari pertama dagangan 2025, membayangi prestasi cemerlang yang dicatatkan pada 2024 apabila ditutup 1,642.33 mata Selasa lalu, yang menjadikannya pasaran saham kedua terbaik di Asia Tenggara selepas Singapura.



Mohd Afzanizam

BERITA HARIAN

3 JANUARI 2025

BH | RINGGIT, BURSA MALAYSIA DIJANGKA KEKAL CEMERLANG | MS 23

Ringgit, Bursa Malaysia dijangka kekal cemerlang

Firma penyelidikan menjangka 2025 akan menjadi satu lagi tahun yang kukuh bagi ringgit dan Bursa Malaysia, dengan ringgit kekal stabil dan Bursa Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan.

Kenanga Investment Bank (Kenanga IB) mengunjurkan ringgit akan mengakhiri tahun pada kadar RM4.45, membantu menarik perhatian terhadap pasaran Malaysia dan indeks barometer pada 1,840.

“Suku pertama akan mempunyai pendekatan tunggu dan lihat berikutan pasaran saham ASEAN yang berhati-hati baru-baru ini mencerminkan ketidakpastian mengenai bagaimana ancaman tarif akan memberi impak, dengan jangkaan kadar dasar Amerika Syarikat (AS) yang lebih tinggi.

“Dua situasi ini sama seperti pada 2018 tetapi kali ini, Malaysia berada pada kedudukan yang lebih baik dari segi asasnya,” katanya.

Menurut Kenanga IB, walaupun terdapat ketidaktentuan, pelabur dijangka cenderung kepada pendapatan dan prospek yang jelas.

Ia mengunjurkan sektor pengguna akan menikmati kenaikan gaji minimum yang sejajar dengan pertumbuhan sektor pelancongan.

“Dari segi struktur, perkembangan kecerdasan buatan/pusat data menawarkan permintaan daripada peningkatan perbelanjaan modal syarikat teknologi besar global.

“Kami juga menapis nama-nama yang menawarkan pulangan dividen yang baik pada peni-

laian yang wajar berikutan kami percaya pelabur berkenungkinan akan mencari nilai selepas penurunan FBM KLCI baru-baru ini. Bank akan berada dalam kategori ini,” katanya.

Menurut Kenanga IB, petrokimia dan logam boleh menjadi lebih tidak menentu, tetapi boleh menjana keuntungan daripada pertumbuhan permintaan seperti rangsangan ekonomi China.

Begitu juga, sektor penanaman dan sarung tangan dijangka menyaksikan pendapatan suku tahunan yang kukuh.

Sementara itu, Public Investment Bank (PIVB) menjangka ringgit akan berada pada purata RM4.45 hingga RM4.55 pada 2025 berikutan Rizab Persekutuan AS (Fed) kekal berhati-hati terhadap penurunan kadar faedah yang seterusnya dan indeks

barometer dijangka ditutup pada 1,700 mata.

“Pada pandangan kami, isu yang lebih mendesak ialah hutang negara AS yang tinggi dan tidak mampan. Pasaran mengambil kira premium risiko yang tinggi untuk Perbendaharaan AS, menjadikannya lebih mahal untuk AS meminjam lebih banyak.

“Sebanyak lebih 120 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), kos untuk meningkatkan hutang telah mengatasi manfaatnya dalam memacu ekonomi berikutan akan terdapat kurang pembiayaan untuk membiayai pelaburan yang produktif,” katanya.

Katanya, berdasarkan defisit belanjawan yang tinggi melebihi 6.0 peratus daripada KDNK negara, Jabatan Kecekapan Kerajaan AS menyasarkan untuk mengu-

rangkan perbelanjaan kerajaan sebanyak AS\$2 trilion tetapi ini mungkin akan membawa kepada impak yang tidak baik seperti kehilangan pekerjaan dalam sektor awam.

“Walaupun dolar AS dijangka tidak digantikan sebagai mata wang rizab dunia dalam masa terdekat, dominasinya berkurangan dalam beberapa tahun ini daripada 70 peratus pada 2001 kepada 58 peratus pada masa ini.

“Hasil bon dijangka kekal tinggi, menunjukkan dolar AS yang kukuh dan ringgit yang rendah pada 2025,” menurut PIVB.

Bank pelaburan itu menjangka langkah dasar Trump akan bermula pada suku kedua 2025, memberi kesan kepada perdagangan global dan ekonomi domestik AS pada separuh kedua 2025.

BERNAMA

BNM dijangka sukar turunkan OPR tahun ini



Ruang terhad disebabkan jangkaan penyesuaian tekanan harga domestik

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@mediaprima.com.my

Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras semasa 3.00 peratus sepanjang 2025, demikian menurut Institut Strategik KSI bagi Asia Pasifik (KSI).

KSI dalam Laporan Ekonomi Akhir Tahun 2024 menyatakan pengendalian OPR oleh BNM itu dilihat adalah berbeza dengan pendekatan bank pusat serantau lain yang cenderung menurunkan kadar faedah.

Katanya, hal ini kerana BNM mempunyai ruang yang terhad untuk menurunkan kadar dasar

disebabkan oleh jangkaan penyesuaian tekanan harga domestik seperti kenaikan gaji minimum, rasionalisasi subsidi bahan api RON95 dan pengembangan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

"Berdasarkan panduan BNM daripada mesyuarat November, jawatankuasa menjangkakan inflasi pada 2025 akan kekal terkawal.

"Namun, risiko kenaikan kadar hanya akan berlaku jika kesan inflasi pusingan kedua menjadi lebih kuat daripada yang dijangkakan, senario yang dianggap berkemungkinan rendah," katanya.

Inflasi domestik dijangka naik

Laporan KSI menjangkakan inflasi domestik Malaysia dijangka meningkat pada tahun ini, dengan kadar inflasi diunjur purata sekitar 2.7 hingga 3.0 peratus berbanding sasaran kerajaan iaitu 2.0 hingga 3.5 peratus.

Menurutnya, unjuran inflasi mencerminkan potensi tekanan kenaikan yang didorong oleh inisiatif Bajet 2025 seperti rasionalisasi subsidi RON95 dan pengembangan SST.

Selain itu, katanya kenaikan

gaji minimum, pengenalan levi berperingkat untuk pekerja asing dan pelarasan caruman KWSP yang dijangka juga bakal memberi kesan kepada inflasi.

Mengenai kesan rasionalisasi subsidi RON95 pula, laporan KSI itu menyatakan impak susulan daripada pelaksanaannya dijangka terhad.

"Penarikan subsidi menyasarkan segmen populasi tertentu dan pemberat bahan api dan peralatan pelincir dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah kecil.

"Buat masa ini, Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) juga memberi jaminan bahawa 85 peratus penduduk akan terus mendapat manfaat daripada subsidi, manakala mereka dalam kumpulan pendapatan T15 tidak lagi layak," katanya.

Laporan KSI itu turut mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dijangka sederhana tahun ini kepada 4.9 peratus berbanding sasaran rasmi 4.5 hingga 5.5 peratus.

Katanya, mengambil kira tindak balas daripada dasar domestik yang sedang dilaksanakan dan cabaran luaran yang semakin

meningkat apabila ekonomi global bersiap sedia menghadapi dasar Donald Trump 2.0.

"Ekonomi Malaysia mendapat manfaat daripada dasar perlindungan Trump sebelum ini, tetapi sebagai ekonomi terbuka, ancaman tarif Trump kali ini boleh memberi kesan kepada ekonomi tempatan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"Namun begitu, permintaan domestik akan kekal sebagai pemuat utama pertumbuhan. Penggunaan swasta akan disokong oleh pasaran buruh yang stabil, kenaikan gaji sektor awam antara tujuh hingga 15 peratus, semakan gaji minimum dan fleksibiliti pengeluaran Akaun 3 KWSP.

"Pelaburan swasta pula akan mendapat manfaat daripada limpahan pelaburan yang sedang dilaksanakan dan persekitaran pembiayaan yang menggalakkan," katanya.

Laporan itu juga mengunjurkan permintaan luaran akan berkurangan pada 2025 memandangkan asas perbandingan yang kurang menggalakkan serta sentimen global yang berhati-hati berikutan ancaman tarif Trump.

Ringgit berpotensi cecah RM3.90 berbanding dolar AS tahun ini

Dasar fiskal, perkembangan positif ekonomi global pacu pergerakan mata wang tempatan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Ringgit berpotensi diniagakan pada julat RM4.00 hingga RM4.20 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), malah memiliki keupayaan untuk mencecah paras RM3.90 sepanjang tahun ini.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Anthony Dass, berkata secara keseluruhan, prospek pergerakan ringgit pada tahun ini bergantung kepada keseimbangan antara faktor domestik dan global.

Beliau berkata, dasar fiskal

dan monetari yang berhati-hati, bersama-sama dengan perkembangan positif dalam ekonomi global akan menjadi pemacu utama dalam menentukan arah pergerakan ringgit pada 2025.

Antaranya, perbezaan kadar faedah di mana wujud jangkaan bahawa Rizab Persekutuan (Fed) AS akan mengurangkan kadar faedah sebanyak 200 mata asas, sambil Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan kadar pada 3.00 peratus sehingga akhir 2025, situasi yang menyebabkan perbezaan antara kadar berkurang, sekali gus menyokong pengukuhan ringgit, katanya.

"Unjuran menunjukkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia akan berkembang pada kadar 4.6 peratus pada 2025, mencerminkan asas ekonomi yang kukuh dan menyokong ringgit. Malah, Belanjawan 2025 termasuk pengembangan cukai jualan dan

perkhidmatan (SST) serta rasionalisasi subsidi, dijangka meningkatkan hasil kerajaan dan mengurangkan defisit fiskal, yang boleh memberi kesan positif.

"Selain itu, sebagai pengeksport komoditi seperti minyak dan gas, harga komoditi global yang stabil atau meningkat boleh menyokong pendapatan eksport Malaysia, manakala prestasi ekonomi negara-negara seperti China dan AS mempengaruhi permintaan terhadap eksport Malaysia, seterusnya akan mempengaruhi nilai ringgit.

"Keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi Malaysia dan kestabilan politik juga akan mempengaruhi aliran masuk pelaburan asing yang boleh memberi manfaat kepada mata wang tempatan," katanya kepada *BH*.

Mengulas lanjut, Dass berkata, senario asas mencadangkan, ringgit berkemungkinan diniagakan dalam julat RM4.00 hingga RM4.20

berbanding dolar AS pada 2025.

"Ini boleh berlaku jika terdapat persekitaran pertumbuhan global yang seimbang, harga minyak yang sederhana dan pemulihan ekonomi domestik yang stabil.

"Jika ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi baik dan permintaan global terhadap eksportnya kekal kukuh, ringgit berpotensi meningkat ke arah julat yang lebih kukuh," katanya.

Berpotensi mengukuh

Selain itu, katanya, ringgit juga memiliki potensi kukuh di mana ia boleh direalisasikan jika harga minyak global kekal tinggi dan Malaysia mendapat manfaat daripada peningkatan pelaburan asing serta permintaan perdagangan yang teguh.

"Dalam situasi ini, ringgit boleh mengukuh, dengan potensi mencapai sekitar RM3.90 hingga RM4.00 berbanding dolar AS," katanya.

Bagaimanapun, Dass berkata, ringgit tidak terkecuali berisiko ke arah penurunan disebabkan tekanan kewangan global, aliran keluar modal atau kenaikan

kadar faedah global.

"Dalam keadaan ini, ringgit boleh menyusut lebih jauh, dengan risiko penurunan potensi ke paras RM4.30 atau lebih berbanding dolar AS," katanya.

Secara adil, beliau berkata, ringgit dijangka menghadapi prospek bercampur-campur, dipengaruhi oleh persekitaran ekonomi global, pertumbuhan domestik dan turun naik harga komoditi.

"Dengan pertumbuhan global yang sederhana, harga minyak yang stabil dan permintaan eksport yang kukuh, ringgit mungkin mengalami kenaikan secara beransur-ansur.

"Namun, ketegangan geopolitik, kadar faedah AS yang lebih tinggi dan inflasi domestik boleh menimbulkan cabaran kepada mata wang ini, menyebabkan pergerakannya tidak menentu," katanya.

Sementara itu, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia, Dr Mohd Afzani-zam Abdul Rashid, berkata ringgit ada potensi untuk mengukuh disokong beberapa pemacu utama yang dijangka berlaku tahun ini.



Anthony Dass

BERITA HARIAN

7 JANUARI 2025

BH | MALAYSIA SEDIA TERAJUI ASEAN TINGKAT PERDAGANGAN SERANTAU |
MS 23



Negara jadi pemangkin inisiatif perkukuh kerjasama ekonomi antara negara anggota

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Malaysia bersiap sedia mengambil alih kepimpinan ASEAN justeru membuka peluang besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan memperkukuh perdagangan serantau di tengah-tengah landscape global yang mencabar.

Menurut Nota Penyelidikan

TA Securities, peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN akan menjadi pemangkin kepada inisiatif memperkukuh kerjasama ekonomi antara negara anggota, terutama ketika rantaian bekalan global berubah dan permintaan serantau meningkat.

"Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia berada dalam kedudukan strategik untuk memanfaatkan peluang ini, mempererat hubungan ekonomi serantau dan meningkatkan perdagangan antara negara anggota," kata firma penyelidik itu.

TA Securities turut menekankan peranan kritikal Malaysia dalam mengemudi cabaran global seperti ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China.

"Malaysia berpeluang mengukuhkan kerjasama dengan negara ASEAN, China, serta rakan da-

gang utama lain untuk mengatasi kesan negatif ketegangan perdagangan global.

"Inisiatif seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China dan kolaborasi dengan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) serta India akan memperkasakan daya saing ASEAN dalam perdagangan global," katanya.

Isi kekosongan pasaran

Malaysia juga dijangka mendapat manfaat daripada strategi 'China+1', di mana syarikat global berpindah operasi ke negara lain selain China. Keadaan ini, menurut TA Securities, membuka peluang kepada Malaysia untuk mengisi kekosongan pasaran yang ditinggalkan akibat dasar perdagangan AS terhadap China.

Malaysia, dengan kestabilan politik, lokasi strategik dan tenaga

kerja mahir, terus menjadi pilihan menarik bagi pelabur asing.

"Prasarana yang baik, kos operasi kompetitif dan dasar kerajaan yang menyokong menjadikan Malaysia destinasi pilihan pelaburan langsung asing," katanya.

TA Securities juga menyebut Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) akan terus memuktamadkan atau menambah baik Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) untuk meningkatkan perdagangan serantau dan global.

Setakat 11 bulan pertama 2024, Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan sebanyak RM2.62 trilion, meningkat 8.7 peratus secara tahunan.

Eksport melonjak 4.7 peratus kepada RM1.37 trilion, manakala import meningkat 13.3 peratus kepada RM1.25 trilion.

Rantau ASEAN kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia, menyumbang 29.2 peratus daripada eksport dan 23.9 peratus daripada import dalam tempoh Januari hingga November 2024.

Eksport ke ASEAN meningkat 5.2 peratus manakala import naik 8.0 peratus tahun ke tahun, menonjolkan kepentingan rantau ini sebagai rakan strategik perdagangan Malaysia.

Kerajaan menasarkankan peningkatan eksport sebanyak 3.9 peratus dan import 4.1 peratus pada 2025, dengan imbalan perdagangan dijangka mencecah RM130.9 bilion.

Malaysia dijangka terus memanfaatkan peluang ini untuk memperkukuh kedudukannya sebagai pemain utama dalam perdagangan serantau dan global melalui kepimpinan strategik dalam ASEAN.

BERITA HARIAN

7 JANUARI 2025

BH | PRESTASI RINGGIT DAHULUI KEBANYAKAN MATA WANG SERANTAU | MS 23

Prestasi ringgit dahului kebanyakan mata wang serantau

Prestasi ringgit sepanjang tahun lalu menunjukkan pengukuhan berterusan, dengan peningkatan sebanyak 3.8 peratus setakat 12 Disember, daripada RM4.599 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) pada penghujung Disember 2023, demikian menurut TA Securities.

Prestasi itu juga mengatasi kebanyakan mata wang serantau, termasuk won Korea Selatan (15.4 peratus), yen Jepun (11.6 peratus), Aolar Australia (10.8 peratus) dan dolar Taiwan (10.1 peratus).

“Ringgit berada pada paras purata RM4.58 setakat ini, menyokong unjuran kami bahawa kadar purata ringgit pada RM4.55 untuk 2024 adalah boleh dicapai. Dengan tahap turun naik purata hanya 4.5 peratus, ringgit terus menunjukkan daya tahan berbanding mata wang serantau lain yang mencatatkan purata turun naik sebanyak 6.0 peratus,” katanya firma penyelidik itu dalam nota penyelidikan.

TA Securities berkata, bagi tahun ini, prestasi ringgit berbanding dolar AS dijangka dipengaruhi oleh gabungan dasar ekonomi domestik dan kekuatan pasaran global.

“Prospek bagi ringgit kekal optimistik tetapi berhati-hati, dengan potensi untuk terus mengukuh berbanding dolar AS dan mata wang serantau.

“Secara purata, ringgit dijangka meningkat kepada RM4.10 berbanding dolar AS, dengan kemungkinan meningkat di bawah RM4.00 sepanjang tahun, dengan ramalan kami RM3.90 pada akhir tahun.

“Bagaimanapun, ketidaktentuan ekonomi global, seperti turun naik harga minyak dan dasar kadar faedah AS, boleh membawa kepada ketidaktentuan dalam trajektori ini,” katanya.

Selepas pilihan raya AS, Bank Negara Malaysia (BNM) menegakan komitmennya untuk menguruskan volatiliti pasaran dan memastikan kecairan mata wang asing (FX) mencukupi.

Walaupun hasil pilihan raya berkenaan menyaksikan dolar AS dijangka melemah berikutan jangkaan potongan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan (Fed), namun kemungkinan kembalinya Donald Trump ke jawatan presiden (Trump 2.0) boleh membawa risiko peningkatan kepada prospek dolar AS.

“Kadar pertukaran dolar AS/ringgit diramalkan berada pada RM4.30 pada suku pertama 2025, RM4.20 pada suku kedua, RM4.10 pada suku ketiga, dan RM4.00 pada suku keempat, mencerminkan jangkaan umum terhadap dolar AS yang lebih lemah, meskipun faktor politik berpotensi mengubah arah aliran ini,” kata TA Securities.

Keyakinan pelabur

Katanya, beberapa faktor domestik menyokong prospek itu, termasuk keyakinan pelabur terhadap ketahanan ekonomi Malaysia dengan unjuran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) benar 2025 sebanyak 4.8 hingga 5.3 peratus, aliran masuk pelaburan asing yang kukuh ke dalam pasaran bon dan ekuiti, serta usaha berterusan kerajaan untuk menstabilkan sistem kewangan.

“Disiplin fiskal dijangka mengekalkan defisit di bawah 4.0 peratus daripada KDNK (ramalan TA 2025: -3.7 peratus), sekali gus meningkatkan keyakinan pelabur, dengan sasaran pengurangan defisit kepada 3.5 peratus menjelang 2027.

“Kestabilan politik juga meningkatkan persekitaran pembuatan dasar, membantu penstabilan kewangan kerajaan secara beransur-ansur,” katanya.

Firma penyelidik itu berkata, asas domestik yang kukuh lain termasuk unjuran lebihan dagangan yang lebih luas kepada RM130.9 bilion, peningkatan sebanyak 1.5 peratus dari 2024.

“Permintaan tinggi yang berterusan terhadap elektronik, terutamanya dalam sektor seperti kenderaan elektrik (EV), teknologi 5G, dan kecerdasan buatan (AI), dijangka meningkatkan pendapatan eksport.

“Lebihan dagangan yang konsisten memberikan tekanan ke atas untuk mengukuhkan ringgit. Kerajaan dan BNM dijangka meneruskan usaha koordinasi untuk menyokong ringgit dengan menumpukan kepada inisiatif seperti Program Pelabur Residen Berkualifikasi (QRI).

“Program ini direka untuk menggalakkan syarikat residen membawa pulang dana dalam mata wang asing dan menukarkannya kepada ringgit. Program ini telah menerima maklum balas positif dan akan diperluas

kan,” katanya.

Sementara itu, TA Securities berkata, ambang kelayakan untuk pelaburan langsung luar negara telah diturunkan kepada RM500 juta daripada RM1 bilion, dan tarikh akhir pendaftaran dilanjutkan hingga 30 Jun 2025.

“Langkah ini dijangka menarik lebih banyak aliran masuk modal, meningkatkan kecairan pasaran dan terus menyokong ringgit.

“Prospek positif ini dijangka memberi manfaat kepada penarafan kredit kedaulatan Malaysia. Moody’s telah memberikan penarafan A3 dengan tinjauan ‘stabil’ kepada Malaysia, manakala Fitch Ratings mengekalkan penarafan BBB+ dengan tinjauan ‘stabil’.

“S&P Global Ratings turut mengesahkan penarafan A- Malaysia dengan tinjauan ‘stabil’. Ketiga-tiga agensi memberikan penarafan tahap pelaburan, mencerminkan keyakinan terhadap kestabilan ekonomi dan pengurusan fiskal negara,” katanya.

Fitch Ratings juga meramalkan peningkatan dalam penarafan kredit Malaysia menjelang 2026, dengan nisbah hutang kepada KDNK dijangka menurun kepada 73.7 peratus.

BERITA HARIAN

7 JANUARI 2025

BH|PENGEKALAN OPR PENDEKATAN PALING BERHEMAT IMBANGI PERTUMBUHAN EKONOMI| MS 24

Pengekalan OPR pendekatan paling berhemat imbangi pertumbuhan ekonomi

Langkah untuk mengekalkan kadar faedah semasa adalah pendekatan paling berhemat bagi mengimbangi pertumbuhan ekonomi dan kestabilan jangka panjang, demikian mengikut TA Securities.

Menurut firma penyelidikan itu dalam laporan strateginya baru-baru ini, walaupun pengurangan kadar faedah boleh merangsang aktiviti ekonomi, ia juga meningkatkan risiko hutang isi rumah yang tinggi dan lebih pinjaman, terutamanya jika keadaan ekonomi bertambah buruk.

Katanya, Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan pendekatan berhati-hati terhadap dasar monetari, dengan menilai keadaan ekonomi global secara teliti sebelum membuat sebarang penyesuaian.

"Kami percaya bahawa Kadar Dasar Semalaman (OPR) akan kekal pada 3.0 peratus sepanjang 2025, disokong oleh prospek ekonomi yang stabil dan inflasi yang terkawal.

"Keputusan pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) November 2024 untuk mengekalkan OPR tidak berubah adalah selaras dengan jangkaan kami dan konsensus umum. Walaupun bank pusat lain mengurangkan kadar faedah, tumpuan BNM akan kekal pada langkah-langkah makroekonomi yang lebih luas untuk memastikan kestabilan harga, mengekalkan keyakinan pelabur, dan melindungi daya tahan jangka panjang.

"BNM mengutamakan kestabilan berbanding pengurangan kadar faedah yang agresif di tengah-tengah ketidaktentuan global yang berterusan," katanya.

Dalam pada itu TA Securities menjangkakan pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 4.8 peratus hingga 5.3 peratus pada 2025, berbanding 5.0 peratus pada tahun ini.

"Pertumbuhan ini akan disokong oleh peruntukan Belanjawan 2025 yang besar sebanyak RM421 bilion, yang akan merangsang

permintaan domestik melalui pelbagai projek pemangkin, insentif, dan inisiatif untuk meningkatkan penggunaan dan pelaburan.

"Selain itu, peningkatan eksport yang didorong oleh kemungkinan rangsangan fiskal yang kukuh dari China pada 2025 (dijangka mengalami defisit fiskal sebanyak 4.0 peratus untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi 5.0 peratus), kemungkinan senario *no landing* di Amerika Syarikat, serta pelaburan Malaysia dalam industri berimpak tinggi dan bernilai tinggi akan melengkapkan pertumbuhan ini.

"Pelancaran Rancangan Malaysia Ke-13 pada Julai ini juga akan menekankan kesinambungan langkah-langkah pertumbuhan sehingga 2030," katanya.

Mengenai prestasi mata wang tempatan, firma itu berkata, pihaknya menjangkakan purata kadar pertukaran ringgit berbanding dolar AS pada RM4.10 pada tahun ini berbanding RM4.55 pada 2024.

BERITA HARIAN

8 JANUARI 2025

BH | ZON EKONOMI FOKUS SEKTOR BAHARU, TRADISIONAL | MS 20

Zon ekonomi fokus sektor baharu, tradisional

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) secara rasmi dilancarkan semalam, setahun selepas memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan Malaysia dan Singapura dimeterai, dengan matlamat menarik 100 projek utama dalam tempoh 10 tahun.

Zon ekonomi khas itu meliputi kawasan strategik seperti Iskandar Malaysia, Forest City, Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, dan Desaru, yang keseluruhannya mencakupi 357,128 hektar.

Kawasan Iskandar pula membabitkan Pusat Bandar Raya Johor Bahru, Iskandar Puteri, Tanjung Pelepas-Tanjung Bin, Pasir Gudang, Senai-Skudai, dan Sedenak.

Fokus utama JS-SEZ adalah pada sektor baharu seperti aeroangkasa, elektrik dan elektronik, kimia, peranti perubatan, serta farmaseutikal, di samping sektor tradisional termasuk perkhidmatan perniagaan, ekonomi digital, penjagaan kesihatan, pembuatan, pelancongan, pendidikan, logistik, tenaga dan

keselamatan makanan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kerjasama ini mensasarkan pengembangan 50 projek dalam lima tahun pertama, dengan aspirasi mencapai 100 projek menjelang tahun ke-10.

“Matlamat kami adalah memastikan JS-SEZ diisi dengan portfolio pelaburan yang tepat. Gelombang pertama dalam tempoh lima tahun ini dijangka membabitkan syarikat global yang ingin menguruskan risiko geopolitik mereka.

“Kita beruntung kerana

ASEAN mempunyai daya saing kukuh sebagai ekonomi utama dalam 15 tahun akan datang,” katanya ketika memberikan taklimat kepada media dan penganalisis di Putrajaya pada Jumaat lalu.

Menurut Rafizi, zon ekonomi ini turut menumpukan kepada syarikat peralihan tenaga, memanfaatkan pertumbuhan sektor pusat data.

“Kerajaan Malaysia akan menyediakan dana untuk menyokong pembangunan infrastruktur, manakala Singapura akan merekabentuk mekanisme

pembiayaan bagi memudahkan pengembangan syarikat mereka di JS-SEZ.

“Kami juga sedang menilai potensi pengoperasian kembar syarikat multinasional di Singapura dan JS-SEZ,” katanya.

Selain itu, beliau menjangkakan peningkatan perpindahan penduduk ke Johor sebagai kesan daripada projek ini. Walaupun tiada keputusan muktamad dibuat, perbincangan mengenai penambahbaikan pengangkutan awam di negeri itu telah dimulakan.

Negara kekurangan bakat mahir sokong industri teknologi tinggi

KRI dapati ramai graduan STEM kerja dalam bidang tak berkait susulan permintaan rendah sektor relevan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Malaysia berdepan dengan kekurangan bakat berkemahiran tinggi untuk menyokong pertumbuhan pesat industri berteknologi tinggi, demikian menurut Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) dalam kertas kerja kajian terbaharu.

Menurut KRI, ramai graduan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kini bekerja dalam bidang yang tidak berkaitan disebabkan kekurangan permintaan untuk pekerja

berkemahiran daripada sektor yang relevan serta penurunan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Katanya, ini amat ketara dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), di mana penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi tidak berkembang, walaupun ada dakwaan kekurangan bakat.

“Isu asasnya adalah masalah koordinasi, walaupun bilangan graduan semakin meningkat, industri mungkin sukar untuk beralih ke fungsi bernilai tambah yang lebih tinggi tanpa sokongan kerajaan yang signifikan,” katanya.

Kertas kerja bertajuk *Building a Sustainable Industrial Base: Malaysia's Green Transition* itu ditulis oleh Penyelidik Bersekutu KRI, Azfar Hanif Azizi dan Timbalan Pengarah Penyelidikan KRI, Yin Shao Loong.

KRI menambah, keupayaan Malaysia untuk menyertai segmen bernilai tambah tinggi dalam pasaran produk hijau dibatasi oleh kekurangan firma domestik besar yang melabur da-



Azfar Hanif Azizi



Yin Shao Loong

lam pembangunan teknologi.

Ia berkata, banyak syarikat Malaysia masih terperangkap dalam segmen bernilai tambah rendah dalam rantaian nilai global disebabkan dominasi firma global yang memainkan peranan utama dalam rantaian berkenaan.

“Walaupun konglomerat tempatan berpotensi merangsang inovasi dan menceburi pasaran baharu, dinamika politik dan kekurangan kapasiti negara untuk menguruskan penerima bantuan kerajaan menghalang pembangu-

nan keupayaan kompetitif.

“Pembukaan pasaran yang terlalu awal juga menghadkan pertumbuhan keupayaan ini, seterusnya melambatkan proses penaiktarafan industri Malaysia,” katanya.

Malaysia alami deindustrialisasi

KRI berkata, Malaysia sedang mengalami deindustrialisasi, yang ditandai dengan penurunan sumbangan sektor pembuatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pekerjaan.

Penurunan ini, katanya, ditambah dengan kegagalan beralih ke industri bernilai tambah tinggi, diperburukkan oleh persaingan dari negara berkos rendah.

“Deindustrialisasi ini mem-bimbangkan kerana pembuatan mendorong inovasi, kemajuan teknologi dan penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi.

“Tanpa asas industri yang ku-

kuh, Malaysia berisiko kehilangan kelebihan ini, menjadikan lebih sukar untuk membangunkan sektor baharu contohnya teknologi hijau, seperti yang dilihat menerusi kejayaan China dalam industri solar dan kenderaan elektrik (EV),” katanya.

Menurut KRI, ruang dasar perindustrian Malaysia dibatasi oleh peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan perjanjian perdagangan bebas, yang menghadkan dasar seperti tarif dan insentif eksport.

Katanya, perjanjian ini juga mengenakan peraturan yang lebih ketat berkaitan harta intelek dan pelaburan.

Di samping itu, Malaysia berdepan had fiskal akibat tumpuan kerajaan mengurangkan defisit dan undang-undang baharu yang menghadkan defisit fiskal serta hutang kerajaan.

“Faktor ini mengurangkan keupayaan kerajaan untuk menggunakan dasar perindustrian atau peluasan fiskal bagi menyokong industri domestik,” katanya.



Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan

Dijangka catat
pertumbuhan kukuh
tahun ini

KUALA LUMPUR

Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan kukuh tahun ini, didorong oleh permintaan domestik yang baik, aktiviti pelaburan rancak dan pertumbuhan dalam eksport serta pelancongan walaupun terdapat potensi ketidaktentuan global, menurut Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM).

Presidennya, Tan Sri Soh Thian Lai berkata, pada suku kedua dan suku ketiga 2024, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, masing-masing meningkat kepada

5.9 peratus serta 5.3 peratus.

Menurutnya, pertumbuhan KDNK negara diunjurkan antara 4.5 peratus dan 5.0 peratus pada tahun ini.

"Bagaimanapun, masih ada risiko termasuk pemulihan yang perlahan di China, potensi perubahan dalam dasar Amerika Syarikat (AS), turun naik harga komoditi global dan tekanan inflasi domestik," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Dalam pada itu, jelas beliau, eksport dijangka terus mencatatkan prestasi baik tahun ini, dengan sektor utama seperti elektrik dan elektronik, semikonduktor, minyak sawit, jentera serta bahan kimia memacu peningkatan tersebut.

Menurutnya, impak daripada potensi tarif AS terhadap eksport Malaysia dijangka terhad berdasarkan data sebelum ini.

"Bagaimanapun, inflasi dijangka

meningkat kepada kira-kira 3.0 peratus pada 2025, dipengaruhi oleh faktor domestik seperti kenaikan gaji minimum, perubahan dalam caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk pekerja asing, lanjutan cukai jualan dan perkhidmatan serta langkah rasionalisasi subsidi.

"Namun, inflasi dijangka kekal dalam julat sasaran Kementerian Kewangan pada 2.0 hingga 3.5 peratus," katanya.

Beliau turut menjangka ringgit kekal kukuh pada 2025, disokong oleh permintaan domestik kukuh dan sektor pelancongan yang bertambah baik.

"Faktor seperti penurunan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS, perubahan dalam penawaran tenaga kerja dan inflasi akan mempengaruhi pengukuhan mata wang," katanya. - *Bernama*

SINAR HARIAN

9 JANUARI 2025

SH | KERJASAMA STRATEGIK DEMI EKONOMI BUMIPUTRA | MS 29

Kerjasama strategik demi ekonomi bumiputera

SHAH ALAM - Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mengajak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) berganding bahu meningkatkan kapasiti serta prestasi ekonomi bumiputera.

Presiden DPMM, Norsyahrin Hamidon berkata, pihaknya percaya ia bukanlah mustahil, namun memerlukan iltizam dan komitmen tinggi.

Beliau turut memberi contoh, pembelian produk dan perkhidmatan sokongan daripada komuniti bumiputera untuk kegunaan GLC, GLIC dan agensi kerajaan adalah satu langkah penting.

"DPMM mencadangkan inisiatif seperti ini diberi penjenamaan khas dengan nilai tahunan yang berpotensi mencapai berbilion ringgit.

"Ia bukan sahaja memberi peluang kepada usahawan bumiputera

untuk meningkatkan kualiti, kapasiti dan keupayaan mereka, malah akan menghasilkan limpahan ekonomi besar.

"Usaha ini juga bertepatan dengan saranan Perdana Menteri agar produk kraf tempatan dijadikan cenderahati wajib sempena ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Tambah Norsyahrin, DPMM yakin mampu menggembelng aspirasi kerajaan melalui kerjasama strategik dengan semua pihak berkepentingan.

Jelasnya, antara sasaran utama Putera35 adalah meningkatkan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) perusahaan Bumiputera daripada 8.1 peratus pada tahun 2022 kepada 15 peratus menjelang 2035.

"Bagi merealisasikan visi ini, DPMM telah menggerakkan inisiatif

jangka panjang yang dinamakan Gerakan Ekoniaga Madani (Gema) tahun ini.

"Gema bertujuan memperkukuh hubungan simbiotik antara DPMM, GLC, GLIC dan sektor swasta demi manfaat ekonomi bumiputera," ujarnya.

Norsyahrin berkata, DPMM juga sedia memainkan peranan aktif dalam mengenal pasti kumpulan usahawan berkelayakan.

"Kami bersedia menubuhkan konsortium dalam sektor khusus seperti pembinaan, penyelenggaraan, makanan dan minuman halal, pakaian, ubatan, percetakan, perabot dan sebagainya.

"Kami yakin kerjasama erat dengan GLC dan GLIC mampu memberi nilai tambah kepada penguasaan ekonomi bumiputera khususnya, dan kepada ekonomi negara amnya," katanya.

Malaysia guna pendekatan global rangka dasar RMK13

Malaysia mengambil pendekatan global dalam pembentukan dasar dengan kemuncak bakal diperlihatkan menerusi pelancaran Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata Malaysia dilihat lebih menonjol berbanding negara lain menerusi pembabitan dalam perdagangan bebas dan kerjasama ekonomi yang bertenangan dengan arus global.

Malah, katanya, kestabilan politik dan dasar yang dilaksanakan Malaysia lebih juga lebih baik, selain memiliki profil demografi dan pertumbuhan negara yang unik.

"Malaysia perlu mengambil pendekatan global dalam pemben-

tukan dasar. Persekitaran global sedang berubah dan memerlukan pemikiran serta tindakan yang lebih teliti daripada semua pihak, terutamanya bagi negara-negara kecil, terbuka, dan tidak berpihak (SONA) seperti Malaysia yang kini memainkan peranan penting di pentas dunia.

"Justeru, negara SONA di Asia Tenggara perlu memainkan peranan penting apabila profil, pendekatan dan visi rantau ini bertenangan dengan arus global yang sedang bergerak ke arah yang bertentangan," katanya ketika menyampaikan ucapan tama pada Forum Ekonomi Malaysia (FEM) di Kuala Lumpur, semalam.

Menyentuh mengenai perbezaan profil demografi, Rafizi ber-

kata, Asia Tenggara memiliki saiz pasaran dengan 665 juta penduduk yang bakal menjadikan blok itu sebagai ekonomi keempat terbesar dunia.

"Dalam tempoh lima tahun akan datang, populasi kelas pertengahan akan berganda daripada dua dekad lalu untuk menjadi majoriti besar di Asia Tenggara, mencapai 65 peratus.

"Ini bermakna populasi kelas pertengahan Asia Tenggara akan melebihi saiz populasi Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU), menjadikan rantau ini sebagai kuasa pengguna dengan kuasa beli dan taraf hidup yang lebih tinggi.

"Tambahan pula, profil beliau dan digital Asia Tenggara me-

munjukkan bahawa penduduk di rantau ini akan lebih muda, lebih berdaya usahawan dan lebih terhubung secara digital berbanding rantau lain di dunia," katanya.

Beliau berkata, walaupun rantau lain dijangka mengalami pengecutan, Asia Tenggara diramalkan akan terus berkembang pada kadar mantap sebanyak 4.0 hingga 5.0 peratus untuk dekad yang akan datang.

"Profil demografi dan pertumbuhan profil golongan muda, digital, kelas pertengahan adalah sesuatu yang jarang berlaku dan luar biasa. Ia menjelaskan mengapa pelaburan dalam infrastruktur kecerdasan buatan (AI), tenaga boleh diperbaharui dan digital mengalir ke Malaysia sejak

dua tahun lalu dan akan terus meningkat seiring dengan pertumbuhan fasa seterusnya rantau ini," katanya.

Rafizi berkata, mod utama pertumbuhan rantau ini untuk dekad akan datang dijangka terus bertentangan dengan arus perlindungan dan isolasi global yang wujud ketika ini dengan Asia Tenggara adalah rantau yang paling banyak berdagang di dunia.

"Dekad ini akan melihat Asia Tenggara terus menentang arus global dengan mencari kerjasama dan perkongsian, sama ada dengan sekutu tradisional atau sebaliknya, berdasarkan parameter pragmatik yang saling menguntungkan supaya pertumbuhan Asia Tenggara terjamin," katanya.

Pusat data perlu seimbangkan tuntutan ekonomi, alam sekitar

Strategi jangka panjang patut dirangka kurangkan jejak karbon

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kerancangan pembinaan pusat data sejak kebelakangan ini membuktikan Malaysia terus menjadi destinasi pilihan pelaburan syarikat asing, namun negara memerlukan strategi dan pelan tindakan jangka panjang yang menyelaraskan keperluan ekonomi dengan pemuliharaan alam sekitar.

Hal ini berikutan terdapat persoalan mengenai pertumbuhan luar biasa pembinaan pusat data di Malaysia berisiko menjejaskan keterjaminan bekalan tenaga di negara ini untuk jangka panjang.

Pakar dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Madya Dr Rohafiz Sabar, berkata industri pusat data Malaysia mempunyai penggunaan tenaga yang tinggi dan boleh memberikan tekanan kepada grid

elektrik negara.

Beliau berkata, sektor ini berpotensi menyumbang kepada peningkatan pelepasan karbon serta pengurangan sumber tenaga boleh diperbaharui.

Oleh itu, katanya pendekatan mampan diperlukan, termasuk pelaburan dalam teknologi tenaga boleh baharu (RE), pelaksanaan dasar kecekapan tenaga dan insentif kepada pengusaha pusat data untuk mengurangkan jejak karbon.

"Malaysia juga perlu membangunkan strategi dan pelan tindakan jangka panjang yang menyelaraskan keperluan ekonomi dengan pemuliharaan alam sekitar.

"Langkah ini termasuk mengintegrasikan dasar kelestarian ke dalam pembangunan pusat data, seperti penggunaan reka bentuk hijau, penyejukan mesra alam dan penjaan tenaga melalui sumber boleh diperbaharui.

"Pendekatan ini bukan sahaja dapat mengurangkan impak kepada alam sekitar, malah meningkatkan daya tarikan Malaysia kepada pelabur yang kini semakin mengutamakan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)," katanya kepada *BH*.

Menurut laporan Knight Frank Malaysia, Malaysia unggul sebagai hab pusat data terbesar Asia Tenggara dengan pelaburan ber-

jumlah AS\$23 bilion (RM103 bilion) pada tahun lalu.

Malaysia kini mempunyai 54 pusat data yang beroperasi dengan kapasiti 504.8 megawatt (mw).

Johor mendahului dari segi kapasiti teknologi maklumat (IT), manakala Lembah Klang kekal menjadi pasaran teras.

Risiko keterjaminan tenaga

Mengulas lanjut, Dr Rohafiz berkata, kelestarian pelaburan dan pembinaan pusat data yang pesat di Malaysia berpotensi untuk memberikan manfaat ekonomi besar, namun ia juga menimbulkan risiko terhadap keterjaminan bekalan tenaga.

"Salah satu faktor kritikal yang perlu dipertimbangkan ialah peningkatan permintaan tenaga yang signifikan.

"Pusat data memerlukan tenaga yang tinggi untuk menampung operasi pelayan, penyejukan, dan sistem sokongan lain.

"Dengan pertumbuhan pesat pusat data, permintaan ini boleh menjejaskan kestabilan grid elektrik negara, terutamanya pada waktu puncak atau dalam situasi gangguan bekalan.

"Tanpa perancangan yang strategik dan pelaksanaan teknologi cekap tenaga, risiko gangguan bekalan semakin meningkat, yang akan mengancam kestabilan ekonomi dan reputasi Malaysia sebagai hab digital utama di Asia Tenggara.

"Selain itu, kebergantungan kepada tenaga fosil yang masih tinggi di Malaysia menjadi faktor kritikal dalam memastikan kelestarian sektor pusat data. Penggu-

naan tenaga dari sumber fosil memberikan sumbangan besar kepada pelepasan karbon, bercanggah dengan matlamat kelestarian global," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Institut Maritim Malaysia, Prof Dr Mohamad Rosni Othman, berkata kecepatan adaptasi dan perubahan struktur dasar perundangan mengikut perkembangan global adalah penting dalam industri teknologi pusat data yang pesat berkembang.

Katanya, untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam pasaran pusat data global, adalah penting untuk melihat beberapa perkara seperti memperkukuhkan dasar perundangan dan kemudahan perkhidmatan membabitkan kabel dasar laut.

"Faktor ini amat strategik untuk menyokong ketersambungan data dan menjadikan Malaysia sebagai hab pusat data global.

"Melaksanakan dasar kerajaan yang menyokong amalan lestari, termasuk menawarkan insentif tenaga boleh diperbaharui dan mengurangkan pelepasan karbon.

"Pendekatan holistik ini akan meningkatkan daya maju ekonomi Malaysia dan tanggungjawab alam sekitar, mengukuhkan kedudukannya dalam industri pusat data global," katanya.

Penting untuk melihat beberapa perkara seperti memperkukuhkan dasar perundangan dan kemudahan perkhidmatan membabitkan kabel dasar laut

Mohamad Rosni Othman,
Ketua Pengarah Institut Maritim Malaysia



BERITA HARIAN

13 JANUARI 2025

BH | RINGGIT MUNGKIN BERDEPAN TURUN NAIK KETARA TAHUN INI | MS 23

Ringgit mungkin berdepan turun naik ketara tahun ini

Mata wang tempatan dijangka diniagakan lebih lemah ekoran dasar Trump perkukuh dolar AS

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Ringgit sekali lagi berkemungkinan berdepan turun naik yang ketara pada tahun ini dengan mencatatkan pemulihan sederhana pada separuh kedua 2025 kepada RM4.40 hingga RM4.50 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Dalam tempoh enam bulan pertama 2025, mata wang tempatan dijangka diniagakan lebih lemah dalam julat antara RM4.50 hingga RM4.60 sedolar AS, berpunca daripada dasar Presiden terpilih AS, Donald Trump yang menyokong mata wang negara itu.

Kenanga Investment Bank Bhd dalam satu nota penyelidikan berkata, mata wang tempatan dijangka kembali kukuh apabila Rizab Persekutuan (Fed) mengambil pendekatan pelonggaran kadar faedah yang lebih agresif berbanding jangkaan awal.

Katanya, ringgit mengalami perjalanan yang tidak menentu sepa-

anjang 2024, turun ke paras terendah RM4.80 berbanding dolar AS pada Februari tahun lalu sebelum melonjak ke paras tertinggi RM4.12 sedolar AS pada September.

Ia berkata, pergerakan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kekuatan dolar AS, yang dibentuk oleh keputusan dasar Fed, ketegangan geopolitik, dan dinamik pilihan raya AS.

"Bagi 2025, kami menjangkakan turun naik berterusan, dengan kelemahan ketara pada separuh pertama tahun ini diikuti oleh pemulihan pada separuh kedua. Ringgit diunjurkan berada dalam lingkungan RM4.50 hingga RM4.60 sedolar AS pada separuh, didorong oleh dasar-dasar dolar AS yang disokong oleh Trump.

"Ringgit dijangka lemah pada enam bulan pertama 2025 sebelum pulih pada separuh, dengan sasaran RM4.45 sedolar AS pada akhir tahun.

"Permintaan terhadap bon kerajaan dijangka berkurangan disebabkan ketidakpastian global, dengan hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 10 tahun dijangka meningkat kepada 3.98 peratus menjelang akhir tahun," katanya.

Impak perang dagang

Sementara itu, Kenanga Investment Bank berkata kestabilan dijangka pada tahun ini apabila ekonomi sedang pesat membangun menormalkan aktiviti selepas kemuncak pertumbuhan pada 2024, manakala ekonomi maju mengha-



dapi pertumbuhan perlahan akibat kesan tertunda kadar faedah tinggi.

"Dari segi risiko, kemungkinan akan datang daripada impak perang dagang baharu antara AS dan China. Selain itu, pemulihan perlahan ekonomi China mungkin menghadkan potensi pertumbuhan global. Namun, pertumbuhan pesat dari ekonomi sedang pesat membangun lain seperti India dijangka menyokong ekonomi.

"Inflasi global dijangka kembali pada 2025, dipacu oleh tarif AS di bawah Trump yang meningkatkan harga pengguna dan memberi tekanan pada rantaian bekalan.

"Ketegangan geopolitik dan perubahan iklim menambah ketidakpastian. Bank pusat dijangka memperlahankan pemotongan kadar faedah tanpa berundur sepe- nuhnya," katanya.

Bank pelaburan itu menambah,

di Malaysia, pertumbuhan ekonomi dijangka sederhana kepada 4.8 peratus dengan permintaan domestik akan menjadi pemacu utama dengan pemulihan sektor perkhidmatan dan pembuatan manakala risiko luaran dijangka kekal.

"Inflasi di Malaysia dijangka meningkat kepada 2.7 peratus pada 2025, dipacu oleh pembaharuan subsidi, pertumbuhan gaji, dan tekanan luaran.

"Rasionalisasi subsidi RON95 dan peningkatan gaji akan menjadi faktor utama, sementara harga minyak yang rendah pada separuh pertama 2025 dan perubahan eksport China mungkin mengimbangi sebahagian impak.

"Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.0 peratus pada 2025, bagi mengimbangi risiko inflasi dengan sokongan pertumbuhan," katanya.

BERITA HARIAN

14 JANUARI 2025

BH | USAHA TERSELARAS BNM BAWA DANA KE MALAYSIA STABILKAN RINGGIT | MS 28



Usaha terselarass BNM bawa dana ke Malaysia stabilkan ringgit

HSBC jangka nilai mata wang sekitar RM4.60 satu dolar AS akhir 2025

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Usaha terselarass yang berterusan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menggalakkan aliran masuk lebih konsisten akan terus menyokong ringgit tahun ini meskipun berdepan satu lagi tahun mencabar bagi mata wang Asia berikutan pengukuhan

dolar Amerika Syarikat (AS), demikian menurut penganalisis.

Ketua Penyelidikan Tukaran Asing (FX) Asia HSBC, Joey Chew, berkata terdapat kemungkinan Rizab Persekutuan AS (Fed) memperlahankan pengurangan kadar faedahnya akan menyokong pengukuhan dolar, sekali gus memberi tekanan kepada mata wang Asia termasuk ringgit.

Beliau berkata, sejak empat tahun lalu, mata wang Asia berdepan kesukaran dengan perbezaan hasil mereka dengan AS yang mendorong pengaliran keluar modal dari Asia dan sukar menarik aliran masuk.

Bagi ringgit, katanya HSBC menjangkakan mata wang tempatan itu berada sekitar RM4.60 berbanding dolar AS pada akhir 2025. Menurutnya, langkah yang

telah dilaksanakan sejak tahun lalu seperti arahan kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menukar pendapatan dalam mata wang asing kepada ringgit serta usaha menggalakkan syarikat domestik melabur dalam negara berbanding di luar negara memainkan peranan penting dalam menyokong mata wang tempatan itu.

"Langkah ini membantu menstabilkan permintaan terhadap ringgit, di samping mengurangkan tekanan daripada dolar AS terhadap kadar tukaran ringgit," kata pada webinar mengenai Tinjauan Asia 2025 HSBC semalam.

FDI perkukuh mata wang

Chew berkata, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia turut menyumbang

kepada pengukuhan mata wang tempatan.

Beliau berkata, perkembangan positif dilihat dengan meningkatnya minat pelabur asing dalam sektor strategik negara ini, termasuk teknologi hijau dan pembuatan bernilai tinggi.

"Dengan kombinasi aliran FDI yang memberangsangkan dan sokongan daripada dasar domestik, ringgit mampu mengekalkan kestabilannya meskipun berdepan cabaran ekonomi global," katanya.

Mengenai prospek pasaran ekuiti Malaysia, Ketua Strategi Ekuiti Asia Pasifik HSBC, Herald van der Linde, berkata HSBC menjangkakan Indeks FBM KLCI mencapai paras 1,850 mata menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata, Malaysia terus

mendapat manfaat daripada perubahan dalam rantaian bekalan global, terutama dalam sektor teknologi.

Katanya, penubuhan pusat data, pengeluaran semikonduktor dan pelbagai syarikat teknologi lain yang berkembang pesat menjadi pemacu utama.

"Peralihan rantaian bekalan ke Malaysia adalah perkembangan sangat positif, terutama dalam sektor teknologi," katanya.

Namun, van der Linde berkata, faktor penilaian relatif dan kedudukan pelabur yang sudah kukuh di pasaran tempatan memberi isyarat bahawa ruang untuk kenaikan tambahan adalah terhad.

Justeru, katanya HSBC kekal neutral terhadap saham Malaysia pada masa ini.

“Terdapat kemungkinan Rizab Persekutuan AS (Fed) memperlahankan pengurangan kadar faedahnya akan menyokong pengukuhan dolar”

Joey Chew,
Ketua Penyelidikan Tukaran Asing (FX) Asia HSBC



“Peralihan rantaian bekalan ke Malaysia adalah perkembangan sangat positif, terutama dalam sektor teknologi”

Herald van der Linde,
Ketua Strategi Ekuiti Asia Pasifik HSBC



BERITA HARIAN

14 JANUARI 2025

BH | HARGA SAWIT RM4,800 SATU TAN DIJANGKA SEHINGGA JUN | MS 30

Harga sawit RM4,800 satu tan dijangka sehingga Jun

Harga minyak sawit mentah (MSM) yang lebih tinggi mencecah sehingga RM4,800 satu tan mungkin berlanjutan sehingga separuh pertama 2025.

Penganalisis RHB Investment Bank Bhd, Hoe Lee Leng, berkata menuju ke separuh kedua, harga MSM dijangka mulai berkurangan kepada RM4,000 hingga RM4,400 satu tan ketika musim puncak.

"Kami terus menjangka yang harga akan kekal pada paras lebih tinggi pada separuh pertama, dengan harga sekitar RM4,400 hingga RM4,800 satu tan sebelum menurun kepada RM4,000 hingga RM4,400 satu tan ketika musim puncak pada separuh kedua 2025," katanya dalam satu nota penyelidikan, semalam.

Beliau berkata, jangkaan harga lebih tinggi itu disebabkan kemuncak kesan daripada paras pengeluaran dan inventori yang rendah di Indonesia pada 2024.

"Peningkatan mandat biodie-

sel di Indonesia pada 2025 dan bekalan biji bunga matahari dan biji sawi dan kanola yang semakin terhad pada 2025, akan menyebabkan kekurangan minyak dan lemak dunia yang lebih jelas pada tahun ini.

"Hal ini seterusnya akan menyebabkan harga minyak sayuran lebih mahal pada 2025, dengan nisbah inventori berbanding penggunaan untuk 17 minyak dan lemak jatuh ke paras terendah dalam tempoh 15 tahun, iaitu 12.6 peratus pada 2025," katanya.

Harga semasa MSM susut kepada RM4,700 hingga RM4,800 ketika ini berbanding lebih RM5,000 satu tan bulan lalu, berpunca daripada ramalan eksport semakin rendah pada Disember akibat harga MSM yang mahal berbanding minyak sayuran lain.

MSM diniagakan pada harga premium AS\$156 satu tan berbanding minyak kacang soya dan lebih mahal sebanyak AS\$26 da-

ripada minyak bunga matahari pada Disember 2024.

Inventori ditutup pada paras lebih rendah pada Disember 2024, iaitu pada paras 1.71 juta tan, berikutan eksport lebih tinggi yang diimbangi sedikit oleh pengeluaran lebih tinggi.

Nisbah inventori berbanding penggunaan untuk akhir 2024 mencecah 8.5 peratus yang berada pada paras bawah purata 15 tahun sebanyak 10 peratus.

"Kami terus menjangkakan paras inventori ini akan terus berada bawah dua juta tan untuk beberapa bulan akan datang, ekoran musim pengeluaran rendah dan permintaan semakin tinggi berikutan sambutan perayaan yang akan datang," tambah Lee Leng.

Sementara itu, CIMB Securities berkata, ia mengekalkan unjuran harga purata MSM sebanyak RM4,200 satu tan untuk 2025 berbanding RM4,179 pada 2024.

"Kami menjangkakan syarikat perladangan melaporkan keuntu-

ngan yang mendarat hingga kepada yang lebih kukuh pada suku keempat 2024 dan tahun ini, disokong oleh harga MSM yang lebih tinggi serta peningkatan pengeluaran dari Indonesia," katanya.

Firma penyelidikan itu turut menjangkakan stok minyak sawit meningkat sebanyak 1.0 peratus bulan ke bulan kepada 1.73 juta tan pada Januari 2025, didorong oleh eksport dan penggunaan domestik yang lemah.

Ia berkata, pengeluaran MSM dijangka merosot sebanyak 8.0 peratus bulan ke bulan kepada 1.37 juta tan disebabkan oleh faktor bermusim.

"Eksport minyak sawit pula dijangka jatuh 16 peratus bulan ke bulan kepada 1.13 juta tan, disebabkan premium harga MSM yang tinggi berbanding minyak kacang soya (AS\$120 satu tan) dan minyak biji sesawi (AS\$67 satu tan) mendorong pengguna beralih kepada alternatif yang lebih murah," katanya.

Industri sawit Malaysia rekod prestasi cemerlang pada 2024

Harga minyak sawit mentah naik 9.7 peratus setiap tan, nilai eksport produk melonjak

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Industri sawit Malaysia merekodkan prestasi cemerlang pada 2024 berdasarkan kepada peningkatan harga minyak sawit mentah (MSM) serta lonjakan nilai eksport produk minyak sawit.

Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata purata harga MSM meningkat sebanyak 9.7 peratus kepada RM4,179.50 setiap tan sepanjang 2024 berbanding RM3,809.50 setiap tan dalam tempoh sama pada 2023.

Beliau berkata, purata bulanan dan harian harga MSM juga mencapai paras tertinggi masing-masing pada RM5,119.50 setiap tan pada Disember 2024 dan RM5,333.50 setiap tan pada 6 Disember 2024.

Peningkatan itu, katanya secara signifikan melonjakkan jumlah hasil eksport produk minyak sawit sebanyak 15.1 peratus kepada RM109.3 bilion pada tahun lalu berbanding RM94.9 bilion tahun sebelumnya.

"Eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit dari Januari



Foong Hin melawat pameran pada Seminar Kajian Semula dan Tinjauan Ekonomi Minyak Sawit (R&O) 2025 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

hingga Disember 2024 meningkat kepada 26.66 juta tan berbanding 24.49 juta tan dalam tempoh yang sama pada 2023.

"Ini mencatatkan peningkatan sebanyak 8.9 peratus dengan perbezaan sebanyak 2.17 juta tan antara kedua tahun berkenaan.

"Antara enam pasaran eksport utama bagi produk minyak sawit Malaysia adalah India, China, Kesatuan Eropah (EU), Kenya, Turkiye dan Filipina dengan jumlah eksport sebanyak 8.57 juta tan atau 50.7 peratus daripada keseluruhan eksport minyak sawit Malaysia," katanya selepas merasmikan Seminar Tinjauan dan Pandangan Ekonomi Minyak Sawit (R&O)

2025 di Kuala Lumpur, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Chan Foong Hin.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Datuk Yusra Shah Mohd Yusof; Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Mohamad Helmy Othman Basha; Duta Besar Belanda di Malaysia, Jacques Werner; Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Suruhanjaya Tinggi British di Malaysia, Tomi Shepherd dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir.

Mengulas lanjut, Johari berka-

ta, industri sawit Malaysia mempunyai masa depan yang cerah selaras dengan peningkatan populasi dunia dan permintaan global terhadap minyak sayuran yang semakin meningkat.

Prospek kekal positif

Beliau berkata, bagi memenuhi permintaan itu, industri sawit Malaysia telah menghasilkan sebanyak 19.3 juta tan minyak sawit mentah pada 2024, meningkat sebanyak 4.2 peratus berbanding 18.55 juta tan pada 2023.

Katanya, prospek industri sawit di Malaysia akan kekal positif memandangkan keseimbangan bekalan dan permintaan yang sta-

bil serta pemulihan yang dijangka daripada isu kekurangan tenaga kerja.

"Saya yakin bahawa industri sawit Malaysia mempunyai masa depan yang cerah seiring dengan pertumbuhan populasi dunia dan peningkatan permintaan global terhadap minyak sayuran.

"Prospek industri sawit di Malaysia kekal positif dengan kestabilan bekalan dan permintaan serta pemulihan yang dijangka daripada isu kekurangan tenaga kerja.

"Saya juga menggalakkan semua pihak berkepentingan untuk turut serta secara aktif, berkongsi kebimbangan berserta penyelesaian dan mengambil tindakan yang tepat dalam memajukan industri sawit di peringkat nasional dan global," katanya.

Johari berkata, dengan kehuasan 5.62 juta hektar ladang kelapa sawit yang ditanam di Malaysia, penambahbaikan dalam amalan pertanian kekal sebagai elemen penting dalam strategi mampan negara.

Beliau berkata, inisiatif seperti pengurusan tanah lestari, teknik tanpa pembakaran dan langkah pemuliharaan tanah menonjolkan komitmen negara dalam memelihara kesihatan tanah dan biodiversiti.

Malah, katanya langkah menggalakkan inovasi sepanjang rantaian nilai minyak sawit membantu membangunkan produk dan proses yang mesra alam, sejajar dengan piawaian pasaran global dan permintaan pengguna terhadap minyak sawit yang diperolehi secara bertanggungjawab.

Gaji pekerja Malaysia diunjur naik antara dua hingga tiga peratus

Pertumbuhan pendapatan tahun ini dijangka kekal sederhana, berada pada tahap purata

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Standard Chartered menjangkakan pertumbuhan gaji pekerja Malaysia bagi tahun ini tidak banyak berubah berbanding tahun lalu iaitu antara dua hingga tiga peratus.

Ketua Ahli Ekonomi ASEAN dan Asia Selatan Standard Chartered, Edward Lee, berkata pasaran buruh yang agak sempit

ketika ini selain tiada tekanan penawaran menyebabkan pertumbuhan yang tidak tinggi.

"Kenaikan gaji bagi sektor awam dijangka berlaku, jadi ini mungkin menjadi faktor yang meningkatkan angka ini. Emolument dalam belanjawan meningkat sekitar enam hingga tujuh peratus, satu perkembangan positif.

"Namun, secara keseluruhan, saya merasakan pertumbuhan gaji tahun ini masih akan berada pada kadar purata dua hingga tiga peratus," katanya pada taklimat media tinjauan Malaysia dan global bagi separuh pertama 2025 di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Global, Penyelidikan Pendapatan Tetap & Ketua Penyelidikan Asia Standard Chartered, Kaushik Rudra.

Tekanan inflasi terkawal

Mengulas lanjut, Lee berkata, walaupun ekonomi domestik kelihatan kukuh, ketidakpastian ekonomi global mungkin memberi kesan.

"Tambahan pula, tekanan inflasi pada peringkat nasional

yang kelihatan terkawal iaitu sekitar dua peratus menyebabkan tiada banyak tekanan dari segi penawaran atau permintaan yang boleh mendorong kenaikan kos gaji yang lebih tinggi.

"Secara ringkasnya, saya rasa pertumbuhan gaji tahun ini akan

kekal sederhana dan berada pada tahap purata," katanya.

Dalam pada itu, Lee berkata, Standard Chartered mengunjurkan ringgit akan didagangkan pada RM4.40 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) untuk tahun ini.

"Jangkaan pengurangan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan (Fed) juga sudah berkurangan tahun ini berbanding tahun lalu.

"Jika awal tahun lalu, ramai pihak menjangkakan pemotongan sehingga 150 mata asas (bps) oleh Fed, namun untuk tahun ini jangkaan adalah sama ada satu atau dua pemotongan akan dilakukan.

"Salah satu penyebab ialah kemenangan Donald Trump sebagai Presiden AS tahun lalu yang mengundang ketidakpastian," katanya.

Kenaikan gaji bagi sektor awam dijangka berlaku, jadi ini mungkin menjadi faktor yang meningkatkan angka ini. Emolument dalam belanjawan meningkat sekitar enam hingga tujuh peratus, satu perkembangan positif



Edward Lee,
Ketua Ahli Ekonomi ASEAN dan Asia Selatan Standard Chartered

BERITA HARIAN

15 JANUARI 2025

BH | EKONOMI MALAYSIA DIJANGKA BERKEMBANG LEBIH TEGUH TAHUN INI | MS 24



Ekonomi Malaysia dijangka berkembang lebih teguh tahun ini

Pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjur meningkat kepada 5.7 peratus pada 2025 daripada sekitar 5.0 peratus pada masa ini, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang teguh dan aktiviti pelaburan yang stabil, demikian menurut Ketua Ekonomi ASEAN Nomura, Euben Paracuelles.

Beliau menyatakan bahawa pelaburan daripada kedua-dua sektor awam dan swasta mendapat momentum, didorong oleh projek infrastruktur berskala besar dan peningkatan ketara dalam pelaburan langsung asing (FDI).

"Sektor swasta, kedua-dua syarikat asing dan domestik, banyak terlibat dalam perbelanjaan pelaburan. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kemajuan yang dicapai oleh kerajaan dalam infrastruktur awam dan lonjakan FDI, khususnya dalam teknologi, kecerdasan buatan (AI) dan projek pembinaan yang berkaitan data.

"Apa yang saya fikir akan berubah kali ini ialah eksport akan bekurang, tetapi perbelanjaan pelaburan akan bertahan kerana semua faktor yang dinyatakan,"

katanya pada persidangan tinjauan makroekonomi ASEAN dan China di Kuala Lumpur, semalam.

Paracuelles berkata, pemetaraan perjanjian Zon Ekonomi Johor-Singapura (JS-SEZ) baru-baru ini juga dilihat sebagai perkembangan penting bagi negara.

Beliau berkata, ini merupakan pengubah permainan yang berpotensi, berkemungkinan menarik lebih banyak FDI dan seterusnya meningkatkan prospek pertumbuhan jangka sederhana Malaysia.

"Jika bahagian pelaburan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus meningkat, pada masa ini pada 22 hingga 23 peratus, (maka) ia boleh mencapai 30 peratus, memacu peningkatan produktiviti jangka panjang.

"Ini akan meningkatkan kadar pertumbuhan potensi Malaysia kepada 5.4 hingga 5.5 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Bagaimanapun, Paracuelles berkata pertumbuhan kukuh Malaysia boleh membawa tekanan inflasi, terutama dengan peningkatan pasaran buruh dan pertum-

buhan gaji.

Beliau berkata, potensi rasionalisasi subsidi bahan api, termasuk kemungkinan kenaikan 10 hingga 15 peratus harga RON95 juga boleh mendorong inflasi mendekati empat peratus pada separuh kedua 2025, berbanding kurang daripada dua peratus sekarang.

Paracuelles percaya bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) mungkin bertindak balas dengan menentur semula pendirian dasar moneterinya.

Walaupun tidak menjangkakan kitaran kenaikan kadar yang agresif, beliau mencadangkan peralihan daripada pendirian neutral semasa untuk mengelakkan ketidakseimbangan kewangan dan menguruskan risiko inflasi.

"Penunjuk risiko ketidakseimbangan kewangan proprietari kami menunjukkan tanda-tanda peningkatan, yang biasanya mendorong BNM untuk bertindak. Saya berpendapat bahawa (penentuan semula yang diukur) akan berlaku pada pertengahan tahun ini," tambahnya.

SINAR HARIAN

15 JANUARI 2025

SH | EKSPORT SAWIT DIJANGKA NAIK 2.4 PERATUS | MS 30



Berbanding 16.90 juta
tan pada 2024

KUALA LUMPUR

Eksport minyak sawit Malaysia dijangka meningkat sebanyak 2.4 peratus kepada 17.30 juta tan pada 2025 berbanding 16.90 juta tan pada 2024, kata Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir berkata, hasil eksport komoditi itu dijangka tumbuh sebanyak 9.8 peratus kepada RM120 bilion bagi 2025, daripada RM109.33 bilion pada 2024.

"Meneliti keadaan di Indonesia

dan permintaan minyak sawit yang stabil, kita berharap eksport minyak sawit pada tahun ini akan meningkat," katanya dalam pembentangan semasa Seminar Tinjauan dan Pandangan Ekonomi Minyak Sawit (R&O) 2025 di sini pada Selasa.

Jelas beliau, Ahmad Parveez berkata, pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) dijangka turut meningkat sebanyak 0.3 peratus kepada 19.5 juta tan pada 2025 daripada 16.90 juta tan pada tahun lalu.

Selain itu katanya, keseluruhan stok minyak sawit susut sebanyak 6.4 peratus kepada 1.60 juta tan daripada 1.70 juta tan pada 2024.

Beliau juga mengunjurkan harga purata MSM dalam julat RM4,000-RM4,300 satu tan pada 2025, didorong oleh bekalan lebih terhad di peringkat global.

"Ia berikutan pelaksanaan mandat biodiesel B40 di Indonesia yang dijangka mengurangkan bekalan minyak sawit global bagi tujuan pasaran eksport.

"Permintaan bagi biodiesel di Amerika Syarikat dijangka meningkat dan menyebabkan bekalan minyak sayuran global lebih terhad," katanya.

Pada masa sama, katanya, Kementerian Perladangan dan Komoditi serta agensinya akan terus bekerjasama rapat untuk menangani kebimbangan berkaitan alam sekitar, selain menggalakkan kestabilan ekonomi serta tanggungjawab sosial dalam industri itu.

Menurutnya, langkah tersebut akan mendorong kepada masa depan lebih mampan dan seimbang bagi industri minyak sawit. - *Bernama*



Malaysia kekalkan kadar pertumbuhan tahun ini

Unjuran itu selaras dengan sasaran kerajaan sebanyak 4.5-5.5 peratus

KUALA LUMPUR

Malaysia dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan 2025 yang kukuh pada 5.0 peratus, disokong oleh pelbagai pertumbuhan dalam dan luar negara, walaupun terdapat risiko yang tinggi daripada potensi perang perdagangan yang meningkat.

CIMB Securities and Market Research pada Isnin berkata, unjuran itu selaras dengan sasaran kerajaan sebanyak 4.5-5.5 peratus.

"Ini mencerminkan perbelanjaan domestik yang kuat disokong oleh

pelaburan yang kukuh dan perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan, di samping pemulihan permintaan luaran yang berterusan dipacu oleh kitaran teknologi global.

"Bagaimanapun, risiko penurunan kekal tinggi berpunca daripada potensi meningkatnya ketegangan perdagangan yang boleh menimbulkan risiko kepada tekanan inflasi global. Ini boleh menyebabkan bank pusat global mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati terhadap dasar pelonggaran monetari mereka, yang berpotensi menjejaskan prospek pertumbuhan," katanya.

Menurut unjuran awal, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia mungkin menyederhana kepada 4.8 peratus tahun ke tahun pada suku keempat 2024 (S4 2024).

"Bagaimanapun, pertumbuhan disokong oleh peningkatan kukuh dalam aktiviti perkhidmatan dan pembinaan. Memandangkan unjuran awal

untuk S4 2024, ekonomi Malaysia dijangka catat pertumbuhan setahun penuh kepada 5.1 peratus untuk 2024," katanya.

Sementara itu, Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB) menjangkakan pertumbuhan KDNK benar 2025 akan sederhana sedikit kepada 4.9 peratus disokong oleh momentum pertumbuhan yang mampan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan serta penambahbaikan dalam sektor perlombongan di tengah-tengah penyederhanaan dalam sektor pembinaan dan pertanian.

"Permintaan yang berdaya tahan dipacu oleh perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh, kitaran pelaburan yang berterusan, pelancaran Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan projek-projek infrastruktur utama baharu akan jadi kunci mengurangkan cabaran luaran di tengah-tengah banjir berita yang meningkat mengenai dasar Trump 2.0 dan Rizab Persekutuan AS," katanya. - *Bernama*

BERITA HARIAN

22 JANUARI 2025

BH|JUALAN KENDERAAN CATAT REKOD TERTINGGI TAHUN LALU|MS 22

Jualan kenderaan catat rekod tertinggi tahun lalu

Jumlah keseluruhan industri lepsi 800,000 unit disokong faktor pertumbuhan ekonomi negara

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Industri automotif Malaysia mencipta satu lagi rekod baharu apabila jumlah keseluruhan industri (TIV) melepasi angka 800,000 unit buat kali pertama dalam sejarah tahun lalu.

Persatuan Automotif Malaysia (MAA) mendedahkan bahawa TIV sepanjang 2024 meningkat 2.1 peratus kepada 816,747 unit, menjangkau angka tertinggi yang dicatatkan tahun sebelumnya iaitu 799,821 unit.

Bagi tahun dikaji, segmen pasaran kenderaan penumpang merekodkan lonjak ketara kepada 747,180 unit, berbanding 719,145 unit yang dicatatkan pada 2023, mengimbangi penurunan jualan dalam segmen kenderaan komersial kepada 69,567 unit daripada 80,676 unit tahun sebelumnya.

Presiden MAA, Mohd Shamsor Mohd Zain, berkata prestasi luar



biasa yang dicatatkan industri automotif tempatan sepanjang tahun lalu disokong faktor ekonomi negara yang berkembang pesat kepada 5.2 peratus bagi tempoh tiga suku pertama 2024.

Malah, katanya, Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada 3.0 peratus sejak Mei 2023, menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pinjaman kenderaan.

"Pencapaian TIV yang luar biasa ini tidak mungkin dicapai tanpa keadaan sosipolitik yang jauh lebih stabil serta pelbagai langkah yang diambil oleh kerajaan untuk merangsang ekonomi negara, membawa kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi.

"Keadaan yang menggalakkan ini sangat penting untuk industri

automotif kerana ia membolehkan rakyat Malaysia lebih optimistik terhadap ekonomi dan lebih bersedia untuk berbelanja, termasuk membeli kenderaan," katanya pada taklimat media pencapaian industri automotif Malaysia 2024 di Kuala Lumpur, semalam.



Mohd Shamsor

Mengulas lanjut, Mohd Shamsor berkata, pasaran pekerjaan yang positif dengan kadar pengangguran mencapai tahap terendah kepada 3.2 peratus turut memberi momentum positif kepada pasaran kenderaan di Malaysia.

"Industri automotif tempatan turut menerima suntikan daripada jumlah pesanan tertunggak yang tinggi, terutama dalam segmen A yang menyumbang kepada peningkatan bahagian jenama nasional sehingga 62 peratus

daripada TIV," katanya.

Pasaran pekerjaan positif

Sementara itu, beliau berkata, jumlah pendaftaran kenderaan penumpang baharu pada 2024 meningkat 3.9 peratus atau 28,035 unit kepada 747,180 unit berbanding 719,145 unit pada 2023.

Beliau berkata, peningkatan jumlah pendaftaran didorong, terutama oleh prestasi jualan yang kukuh oleh jenama nasional, terutama Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA).

Hasilnya, katanya, bahagian pasaran gabungan jenama nasional dalam segmen kenderaan penumpang meningkat kepada 67.7 peratus atau 505,689 unit berbanding 66.9 peratus atau 481,300 unit pada 2023.

Sementara itu, jenama bukan nasional mencatatkan jumlah jualan lebih rendah iaitu 311,058 unit, penurunan 2.3 peratus berbanding 318,521 unit pada 2023.

Bagi kenderaan elektrik (xEV), segmen itu menyumbang 5.6 peratus kepada TIV dengan jaluannya melonjak 19 peratus kepada 45,562 unit tahun lalu, daripada 38,214 unit pada 2023.

Jumlah itu terdiri daripada 14,766 unit Kenderaan Elektrik Bateri (BEV) dan 30,796 unit kenderaan hibrid.

"MAA percaya permintaan terhadap xEV akan terus berkembang pada 2025, memandangkan tahun ini adalah tahun terakhir bagi pengecualian penuh duti import dan eksais untuk EV yang diimport," katanya.

Pasaran e-dagang dijangka kukuh

Berdasarkan
pengembangan pesat
pada 2023, 2024

KUALA LUMPUR

Pasaran e-dagang Malaysia dijangka mengalami pertumbuhan yang kukuh tahun ini berdasarkan pengembangan pesat pada 2023 dan 2024.

Naib Presiden Serantau bagi Pasaran Rentas Sempadan Ninja Van, Jeremy Hong mengaitkan lonjakan itu dengan perubahan sikap pengguna yang didorong oleh kebangkitan media sosial dan platform jualan secara langsung pasca era Covid-19.

Menurutnya, sektor e-dagang mengalami lonjakan ketika itu dan pada tempoh normalisasi selepas Covid-19.

"Kami turut menyaksikan per-

tumbuhan perniagaan rentas sempadan yang luar biasa.

"Beberapa faktor menyumbang kepada pertumbuhan ini termasuk penyebaran maklumat terutama di media sosial seperti TikTok," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan pembentangan bertajuk *Expanding Horizons, One Parcel at a Time* yang membincangkan strategi bagi mengatasi cabaran e-dagang merentas sempadan dan membuka peluang pertumbuhan di Asia Tenggara.

Mengulas faktor perubahan sikap pengguna dalam kebangkitan platform jualan media sosial, Hong berkata, produk dipasarkan terus kepada pengguna walaupun mereka tidak secara aktif mencarinya dan ia memperluas pasaran dengan ketara.

Dalam acara sama, Ninja Van melancarkan e-panduan atau kertas putih bertajuk *Dari Malaysia ke Asia Tenggara: Panduan Praktikal untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) E-dagang yang Mengembang-*

kan Pasaran Merentas Sempadan.

Panduan itu bertujuan membantu perniagaan Malaysia menerokai landscape dinamik e-dagang di Asia Tenggara.

Dalam kenyataan berasingan, Ninja Van berkata, panduan tersebut dibangunkan dengan kerjasama firma penyelidikan pasaran, Milieu Insight berdasarkan tinjauan ke atas 1,200 pembeli dari enam negara Asia Tenggara iaitu Malaysia, Singapura, Vietnam, Thailand, Filipina dan Indonesia yang dijalankan pada November 2024.

Satu daripada penemuan tinjauan tersebut mendedahkan jenama dari Malaysia antara pilihan dalam kalangan pembeli e-dagang di Asia Tenggara.

Tinjauan tersebut juga menekankan bahawa kategori beli-belah merentas sempadan yang utama di enam negara tersebut termasuk fesyen dan aksesori (68 peratus), kesihatan dan kecantikan (46 peratus) serta makanan dan minuman (27 peratus). - *Bernama*

BERITA HARIAN

23 JANUARI 2025

BH|BNM KEKAL OPR 3.0 PERATUS, KALI KE-10 BERTURUT-TURUT| MS 21

BNM kekal OPR 3.0 peratus, kali ke-10 berturut-turut

Ekonomi Malaysia kukuh didorong perbelanjaan berdaya tahan, aktiviti eksport lebih tinggi

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@mediaprima.com.my

Bank Negara Malaysia (BNM) melalui mesyuarat pertama Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) bagi 2025 semalam membuat keputusan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang menjadi penanda aras bagi kadar pinjaman dan deposit tempatan pada 3.0 peratus.

Bank pusat mengekalkan OPR pada paras itu dalam 10 mesyuarat berturut-turut, sejak Mei 2023.

Menjelaskan keputusan itu, BNM berkata, petunjuk terkini mencatatkan kegiatan ekonomi Malaysia terus kukuh, didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan dan aktiviti eksport yang lebih tinggi.

Pada masa hadapan, ia berkata, eksport dijangka terus disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global, eksport barangan bukan elektrik dan elektronik (E&E) yang terus kukuh dan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi.

Menurutnya, pertumbuhan guna tenaga dan upah berserta lang-

kah-langkah dasar terus menyokong perbelanjaan isi rumah.

"Aktiviti pelaburan yang mantap akan terus berkembang disebabkan oleh projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan pelaburan yang telah diluluskan serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional.

"Pelaburan ini yang disokong oleh modal import yang lebih tinggi akan meningkatkan eksport dan mengembangkan keupayaan pengeluaran ekonomi," katanya dalam satu kenyataan.

BNM berkata, langkah Belanjawan 2025 akan memberikan sokongan tambahan kepada pertumbuhan ekonomi.

Ia berkata, prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan.

Sementara itu, pertumbuhan mungkin menjadi lebih tinggi, terutama berpunca daripada limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih giat serta pelaksanaan projek pelaburan yang lebih pantas.

Menurut bank pusat, inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal sederhana dengan purata 1.8 peratus sejak awal tahun sehingga kini.

Menuju 2025, ia berkata, inflasi dijangka kekal terkawal berikutan keadaan kos global yang semakin reda dan ketiadaan tekanan permintaan dalam negeri



Langkah Belanjawan 2025 dijangka memberikan sokongan tambahan kepada pertumbuhan ekonomi negara. (Foto hiasan)

yang berlebihan.

"Bagaimanapun, prospek inflasi terus bergantung pada perincian pelaksanaan langkah dasar dalam negeri yang telah diumumkan.

"Risiko kenaikan inflasi akan bergantung pada tahap kesan limpahan langkah-langkah dasar dalam negeri serta harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan," katanya.

Prestasi ringgit

BNM berkata, prestasi ringgit pula terus didorong terutama oleh faktor luaran dengan keputusan keputusan pilihan raya Amerika Syarikat (AS) mungkin meningkatkan turun naik dalam jangka terdekat.

Pada masa hadapan, katanya, perbezaan kadar faedah yang semakin kecil antara Malaysia dengan ekonomi maju adalah positif untuk ringgit.

"Prospek ekonomi Malaysia dan pembaharuan struktur dalam negeri yang menggalakkan, bersa-

ma-sama dengan inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan aliran dana akan terus memberikan sokongan berterusan kepada ringgit," katanya.

Pada tahap OPR semasa, BNM menegaskan, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan adalah konsisten dengan penilaian semasa terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan.

Ia berkata, MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian trajektori inflasi dan trajektori pertumbuhan dalam negeri menuju 2025.

"MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil," katanya.

Mesyuarat semalam juga meluluskan jadual mesyuarat MPC untuk 2025. Selaras Akta BNM 2009, mesyuarat MPC akan diadakan enam kali tahun ini, iaitu semalam, diikuti 6 Mac, 8 Mei, 9 Julai, 4 September dan 6 November.

BERITA HARIAN

24 JANUARI 2025

BH | DUA FAKTOR BERPOTENSI PENGARUH PENETAPAN OPR | MS 24

Dua faktor berpotensi pengaruhi penetapan OPR

Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) 3 peratus sepanjang 2025, menurut CGS International.

Walaupun keputusan dasar monetari semasa bersifat neutral, terdapat dua faktor bertentangan yang berpotensi mempengaruhi hala tuju dasar itu pada masa hadapan.

Menurut CGS International, tekanan harga mungkin meningkatkan susulan pelaksanaan dasar seperti rasionalisasi subsidi bahan api, semakan tarif elektrik dan kenaikan cukai yang dirancang.

Perkembangan ini boleh mendorong BNM mengambil pendekatan lebih agresif atau *hawkish* bagi mengekang inflasi.

Sebaliknya, jika tekanan luaran seperti sekatan pelaburan baharu atau tarif import oleh

Amerika Syarikat (AS) di bawah pentadbiran Donald Trump berlaku, ia mungkin memaksa BNM mempertimbangkan pendekatan lebih longgar atau *dovish*.

"Keadaan sebegini pernah berlaku pada 2019, apabila BNM menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3 peratus berikutan perang dagangan antara AS dan China," katanya.

Namun, CGS International menyifatkan kesan kedua-dua faktor ini terhadap dasar monetari BNM buat masa ini sebagai neutral, dengan tiada keperluan untuk sebarang perubahan drastik terhadap OPR.

Pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pertama tahun ini, 22 Januari 2025, BNM memutuskan untuk mengekalkan OPR 3 peratus.

Keputusan ini selaras jang-

kaan CGS International dan 23 penganalisis dalam tinjauan *Bloomberg*.

Keputusan itu turut mencerminkan nada neutral dalam kenyataan rasmi BNM yang menunjukkan keyakinan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi domestik dan global.

BNM optimis perbelanjaan domestik dan aktiviti eksport yang disokong oleh pemulihan sektor teknologi global terus mendorong pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2025.

CGS International turut menjangkakan kadar inflasi kekal stabil pada 2025, disokong harga komoditi rendah serta kawalan harga berterusan.

Bagaimanapun, pelaksanaan dasar baharu seperti semakan subsidi bahan api dan pengem-

banagan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dijangka memberi kesan terhadap harga, terutamanya pada separuh kedua tahun ini.

Pada Disember 2024, Indeks Harga Pengguna (CPI) mencatatkan pertumbuhan sederhana 1.7 peratus tahun ke tahun, manakala inflasi teras menurun kepada 1.6 peratus.

Penurunan kos pengangkutan, kesan harga minyak mentah lebih rendah turut menyumbang kepada penyederhanaan inflasi.

CGS International mengunjurkan kadar inflasi meningkat sedikit kepada 2.3 peratus pada 2025 berikutan reformasi dasar yang akan dilaksanakan.

Namun, pengaruh faktor seperti semakan tarif elektrik yang dijangka pada separuh kedua tahun ini masih dalam penilaian dan boleh memberi impak terha-

dap unjuran berkenaan.

Walaupun BNM menunjukkan keyakinan terhadap prospek pertumbuhan, CGS International mengingatkan terdapat risiko ketidakpastian ekonomi, termasuk kelembapan perdagangan global dan tekanan ke atas rakan dagangan utama Malaysia.

Kenyataan rasmi BNM turut menyebut tentang cabaran yang dibawa oleh ketidakpastian pelaburan dan perdagangan antarabangsa, yang memerlukan pemantauan rapi bagi memastikan kestabilan dasar monetari dapat dikekalkan.

Dengan pendekatan berhati-hati ini, BNM dijangka terus memantau dinamik domestik dan global, sambil memastikan dasar monetari kekal seimbang bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengekang inflasi.

24 JANUARI 2025

BH | EMAS BERPOTENSI CATAT REKOD TERTINGGI BAHARU | MS 26

Emas berpotensi catat rekod tertinggi baharu



Dasar monetari global longgar, persekitaran geopolitik pengaruhi pasaran

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Harga emas berupaya mencecah paras tertinggi baharu pada 2025, rekod baharu AS\$3,000 (RM13,504.80) seauns atau RM434.19 segram melepasi paras kemuncak AS\$2,788 (RM12,550.40) atau RM403.50 segram yang dicatat Oktober 2024, dipacu oleh dasar monetari global yang longgar, ke-

tidakpastian fiskal dan persekitaran geopolitik.

Ketua Pegawai Eksekutif Nubex Sdn Bhd, Mohd Faizal Mohd Nor, berkata kembalinya Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat (AS) serta perubahan dasar fiskal di Malaysia seperti inisiatif rangsangan ekonomi dan pelarasan cukai turut boleh mempengaruhi pasaran emas tempatan.

"Pada 2024, emas mencatat peningkatan sekitar 30 peratus, mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap potensi aset ini. Di Malaysia, sekiranya dasar fiskal atau monetari pada 2025 cenderung menyokong pertumbuhan ekonomi melalui kadar faedah rendah atau insentif pelaburan, ia boleh meningkatkan permintaan emas dalam kalangan pelabur tempatan.

"Dasar monetari global yang longgar, inflasi, dan konflik geopolitik kekal sebagai pemacu utama. Di Malaysia, jika Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan kadar faedah rendah untuk menyokong ekonomi, ini akan meningkatkan daya tarikan emas sebagai aset alternatif.

"Selain itu, dasar fiskal domestik seperti subsidi atau tumpuan kerajaan kepada sektor strategik juga boleh mempengaruhi sentimen pasaran emas," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Mohd Faizal berkata, purata harga emas dijangka didagangkan berlegar sekitar AS\$2,750 (RM12,379.40) seauns atau RM398 segram sepanjang tahun ini.

"Permintaan emas dari China dan India kekal signifikan. Di Ma-

laysia, permintaan emas fizikal tempatan, sama ada untuk perhiasan atau pelaburan, turut dipengaruhi oleh kemampuan pengguna yang bergantung pada dasar fiskal seperti cukai atau subsidi kerajaan.

"Sekiranya ringgit terus lemah berbanding dolar AS, harga emas di Malaysia dijangka melonjak. Di samping itu, dasar monetari BNM seperti pelarasan kadar faedah akan turut mempengaruhi pergerakan harga emas tempatan," katanya.

Buka ruang kepada pelabur

Beliau menjelaskan, pelabur boleh mengambil peluang dengan menyesuaikan strategi berdasarkan perkembangan dasar global dan domestik.

"Di Malaysia, kadar faedah yang rendah atau insentif cukai

untuk pelaburan mungkin membuka ruang kepada pelabur untuk meningkatkan portfolio emas mereka," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan SPI Asset Management, Stephen Innes berpendapat, ketidakpastian ekonomi dan geopolitik menjadi pemacu utama daya tarikan emas sebagai aset selamat.

Katanya, korelasi rendahnya dengan kelas aset lain menjadikannya aset yang kukuh ketika kejatuhan pasaran dan pergolakan geopolitik.

"Di Asia, pemilik emas fizikal menunjukkan keengganan untuk menjual, kemungkinan kerana emas menyediakan perlindungan terhadap kelemahan mata wang di tengah-tengah ketegangan perdagangan yang semakin memuncak," katanya.

24 JANUARI 2025

SH|MUDAHKAN RAKYAT BUAT KEPUTUSAN PEMBIAYAAN| MS 30

Mudahkan rakyat buat keputusan pembiayaan

OPR kekal pada kadar 3.0 peratus berita positif untuk rakyat

Oleh LIZA MOKHTAR
SHAH ALAM

Keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan kadar dasar semalaman (OPR) pada 3.0 peratus telah dijangka kebanyakan pakar ekonomi dan pada umumnya berita positif untuk rakyat.

Ketua Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, keputusan pengekalan OPR memudahkan rakyat membuat keputusan pembiayaan dan melabur dalam instrumen kewangan.

"Sebagai contoh, dengan kestabilan OPR ini, rakyat tidak perlu tergesa-gesa memilih sebarang skim pembiayaan atau pelaburan yang sesuai untuk mereka, berbanding ketika OPR berada pada kadar tinggi seperti pada 2022.

"Pada masa sama, ketidakpastian terhadap kadar inflasi berikutan jangkaan perubahan seperti rasionalisasi subsidi bahan api juga menuntut OPR untuk dikekalkan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Rabu ketika mesyuarat



MOHD AFZANIZAM

Jawatankuasa Dasar Monetari, BNM memutuskan OPR yang bertindak sebagai penanda aras bagi kadar pinjaman dan deposit tempatan dikekalkan 3.0 peratus.

BNM dalam kenyataannya menjelaskan ekonomi global mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi daripada jangkaan pada 2024, mencerminkan pertumbuhan sebenar lebih baik dalam ekonomi utama dan perdagangan global lebih kukuh.

Sementara itu bagi 2025, ekonomi global dijangka mampan dengan keadaan pasaran pekerja yang positif, inflasi terus sederhana dan dasar monetari kurang ketat.

Menurut BNM, bagi ekonomi Malaysia, pertumbuhan keseluruhan 2024 berada pada kadar dijangkakan, manakala kekukuhan kegiatan ekonomi diramal berterusan pada 2025, didorong oleh perbelanjaan dalam negara yang berdaya tahan.

Pertumbuhan guna tenaga dan upah berserta langkah-langkah dasar termasuk semakan kenaikan gaji minimum dan gaji penjawat awam pula akan menyokong perbelanjaan isi rumah.

Sementara itu, Mohd Afzanizam berkata, berdasarkan kenyataan BNM, dasar monetari dilihat masih menyokong pertumbuhan ekonomi.

"Jika OPR kekal dan stabil, maka kos pembiayaan juga akan turut stabil. Ia lebih menguntungkan kepada pengguna dan rakyat," katanya.



BNM mengekalkan OPR pada 3.0 peratus.

24 JANUARY 2025

NST | COFFEE SECTOR GETTING MORE DYNAMIC AND COMPETITIVE | MS 4

GOOD PROSPECTS

COFFEE SECTOR GETTING MORE DYNAMIC AND COMPETITIVE

Companies may have to consider listings to raise funds for expansion, say analysts

SHAREN KAUR, ASILA JALIL
AND SYAKIRAH NOR
KUALA LUMPUR
bt@nst.com.my

THE coffee industry has witnessed significant growth in recent years, fuelled by an expanding cafe culture and consumer demand for specialty coffee.

From artisanal cafes to international chains, the market has become increasingly dynamic and competitive.

Data from World Coffee Portal showed Malaysia's branded coffee market growing 28 per cent in the past year, with more than 3,300 outlets. This was spurred by a healthy economic growth that was expected to have expanded between four and five per cent.

"Based on the positive outlook on the industry as well as the growing economy and rising purchasing power of the middle-income group, the growth of coffee chains in Malaysia

augurs well for the country's development. Nonetheless, the new coffee chains will face stiff competition over time," said Universiti Kuala Lumpur Business School economic analyst Assoc Prof Aimi Zuhazmi Abdul Rashid.

Potential listings

Tradeview Capital Sdn Bhd vice-president Tan Cheng Wen projects a surge in the listing of coffee chain companies.

He cites Zus Coffee, Tealive/Bask Bear Coffee and Gigi Coffee as potential candidates for public listings due to their rapid expansion.

"Zus Coffee and Tealive/Bask Bear Coffee are likely to have a more pressing need to get listed, having raised funds from institutional investors in the past couple years. These investors usually have mandates to realise their investments within a certain timeframe," he told 'Business Times'.

In September last year, Zus Coffee secured RM250 million in funding from Retirement Fund Inc, KV Asia Capital and Kapital Api.

Loob Holding Sdn Bhd, the parent company of Tealive and Bask Bear Coffee, sold a 30 per cent stake to private equity firm Creador in 2021 for RM200 million to RM260 million.

"We believe the mushrooming of coffee chains and cafes is a boon for the gig economy and service workers. Having more players enter the market bodes well for employment prospects,"

"We believe the mushrooming of coffee chains and cafes is a boon for the gig economy and service workers."

TAN CHENG WEN
Tradeview Capital Sdn Bhd
vice-president

said Tan.

Strategies to meet growing demand

Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid said cafe chains could look at listings to raise funds.

"That means they need a sizeable capital expenditure in order to upgrade their capacity and stay ahead of the competition."

An example is Oriental Kopi Holdings Bhd, which made its debut on the ACE Market yesterday.

Oriental Kopi managing director Datuk Chan Jian Chern said the company would set up a new head office, central kitchen and warehouse with the proceeds raised from the initial public offering.

Oriental Kopi, established in December 2020, operates 19 outlets.



NSTP FILE PIC

while maintaining consistent quality," said the spokesperson.

Additionally, support from the company's headquarters in China enables Luckin Coffee to mitigate rising operational costs without transferring the burden to consumers.

Improving sales

Starbucks Malaysia, operated by Berjaya Food Bhd (BFood) through Berjaya Starbucks Coffee Company Sdn Bhd, faced challenges recently.

Berjaya Group founder Tan Sri Vincent Tan said sales were showing signs of recovery because of improved consumer sentiment.

The brand struggled with a boycott sparked by the Israel-Hamas conflict which impacted its operations.

Previously, Starbucks accounted for 90 per cent of BFood's revenue.

For the first quarter ended Sept 30, 2024, BFood reported a net loss of RM33.7 million, a sharp reversal from the RM19.03 million net profit in the same period a year ago. Revenue also plunged to RM124.2 million from RM278.5 million.

Tan said the boycott on Starbucks Malaysia was tapering off, with sales beginning to rebound.

BFood group chief executive officer and Starbucks Malaysia managing director Datuk Sydney Quays said 20 outlets had temporarily ceased operations last year in areas such as Kelantan and Terengganu.

"We are in the process of relocating

some stores and refurbishing others to give them a fresher, more vibrant look. At the same time, we're exploring additional locations for expansion. As business improves, we plan to open more stores progressively. Our customers are returning post-boycott," he told 'Business Times'.

Quays said the company's sales growth was driven by Malaysia's evolving coffee culture, growing interest in specialty beverages, and rising disposable incomes.

On competition, Quays acknowledged the influx of new players attracted by the sector's profitability.

"There are numerous coffee chains in the market today, and the bubble tea industry is also booming. However, Starbucks remains Starbucks. We are not a fly-by-night business. The market caters for various segments, and we continue to stand strong in ours," he said.

Looking ahead, Quays confirmed plans to expand but declined to disclose the capital expenditure (capex) allocated for the year.

"We've set aside capex for opening new stores, relocating some outlets and remodelling existing ones. About three years ago, we allocated RM100 million for expansion, and we're continuing to invest strategically."

"We have a positive view on prospects despite new players in the market. We see everything as normal in the overall industry with high spending power," he added.

Luckin Coffee, a Chinese coffee giant, entered the Malaysian market with plans to open 200 outlets over the next two to three years.

It opened its first two outlets at Sunway Pyramid and Menara EcoWorld in Bukit Bintang City Centre yesterday.

Luckin Coffee's expansion in Malaysia, starting with the Klang Valley, would be spearheaded by Hextar Industries Bhd through its subsidiary Global Aroma Sdn Bhd, said a company spokesperson.

To maintain quality and afford-

ability, Luckin Coffee sources its beans directly from Brazil through fixed-price contracts.

"We have secured agreements with suppliers in Brazil to purchase coffee beans at a fixed price for several years. This strategy helps us manage costs

BERITA HARIAN

27 JANUARI 2025

BH|MEK AH CHAI UTAMA KESEMPURNAAN HASILKAN KUIH BAKUL| MS 15

Mek Ah Chai utama kesempurnaan hasilkan kuih bakul

Resipi warisan turun-temurun jadi pilihan masyarakat berbilang kaum

Kuala Krai: Kuih bakul dihasilkan Lee Le Kim atau lebih dikenali sebagai Mek Ah Chai, menyimpan sebuah kisah lama yang terus berpanjangan seperti tradisi yang sudah hampir empat dekad tersemat dalam setiap langkahnya.

Pada usia 75 tahun, wanita ini masih gigih menjaga warisan turun-temurun, menghasilkan kuih bakul dengan penuh ketekunan.

Mek Ah Chai mula mengenali dunia kuih bakul pada usia 15 tahun, ketika kali pertama belajar daripada orang tuanya. Pada masa itu, dia tidak hanya belajar membuat kuih tetapi juga menghargai setiap proses yang perlu dilalui untuk menghasilkan kuih yang sempurna.

"Membuat kuih bakul memerlukan kekuatan dan ketekunan. Saya menguli tepung beras dan gula hampir dua jam untuk memastikan setiap bahan bercampur sempurna. Itulah rahsia untuk menghasilkan kuih bakul yang kenyal dan enak.

"Proses membuat kuih bakul tidak semudah disangka. Setelah adunan siap, ia perlu dikukus selama 13 hingga 15 jam untuk mendapatkan kelembutan dan ra-



Mek Ah Chai menyusun kuih bakul yang dihasilkannya untuk dijual di Kuala Krai.

(Foto BERNAMA)

sa yang sempurna," kata Mek Ah Chai ketika ditemui *BERNAMA*, baru-baru ini.

Bagi Mek Ah Chai kuih bakul ini bukan sekadar makanan, tetapi sebuah dedikasi yang menghubungkan dengan sejarah dan budaya masyarakat Tionghua.

Permintaan tinggi

"Setiap kuih bakul yang saya buat adalah penghargaan kepada warisan yang diwarisi daripada generasi ke generasi.

"Tahun ini, harga kuih bakul yang dijual ialah RM18 sekilogram, sedikit lebih tinggi berbanding tahun lalu yang dijual pada RM17. Walaupun ada kenaikan harga, permintaan tetap tinggi," katanya.

Mek Ah Chai berkata, kuih bakulnya bukan hanya disukai

masyarakat Tionghua tetapi juga oleh masyarakat Melayu.

"Kuih bakul saya bukan hanya untuk satu kaum tetapi untuk semua. Setiap tahun saya mendapat pesanan dari pelbagai negeri termasuk Johor, Terengganu dan Kedah. Saya sangat berterima kasih kerana ramai suka dengan kuih bakul saya.

"Setiap kuih bakul yang dihasilkan adalah hasil tangan saya dan saya mahu ia terus hidup dan memberi kenangan manis kepada sesiapa yang menikmatinya," katanya.

Kuih bakul Mek Ah Chai bukan hanya menjadi sajian perayaan, tetapi juga simbol kesabaran, dedikasi dan penghormatan terhadap tradisi yang sudah menjangkau usia berdekad lamanya.

BERNAMA

BERITA HARIAN

27 JANUARI 2024

BH | REFORMASI DASAR PACU PERMINTAAN DOMESTIK BERDEPAN CABARAN GLOBAL |
MS 22

Reformasi dasar pacu permintaan domestik berdepan cabaran global



**Langkah rangsang
perbelanjaan,
perkuh
pendapatan
boleh guna rakyat**

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pembaharuan dasar domestik seperti pembaharuan buruh termasuk kenaikan gaji, peningkatan kemasukan pelancong dan pelaburan akan menyokong perbelanjaan domestik, sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi negara meskipun berdepan perseki-

taran luaran yang mencabar, kata penganalisis.

Ahli Ekonomi CGS International, Mas Aida Che Mansor, berkata langkah bagi memperkuhkan pendapatan boleh guna rakyat Malaysia akan menggalakkan perbelanjaan domestik.

Beliau berkata, permintaan domestik Malaysia dijangka kekal kukuh pada 2025 berikutan usaha kerajaan memacu aktiviti penggunaan dan pelaburan.

Katanya, kerajaan sedang melaksanakan pelbagai langkah proaktif untuk memperkuhkan pertumbuhan ekonomi negara, meskipun terdapat cabaran global dan perubahan dalam permintaan luar negara.

Jelasnya, salah satu langkah utama yang diambil adalah memperkenalkan reformasi dasar ber-

tujuan merangsang penggunaan domestik dan aktiviti pelaburan, dengan memberi tumpuan kepada kenaikan gaji, program peningkatan kemahiran serta promosi pelancongan yang lebih agresif.

"Dengan kenaikan gaji yang akan dilaksanakan pada Februari ini serta program latihan dan peningkatan kemahiran yang disasar untuk meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan, kerajaan berharap dapat merangsang perbelanjaan domestik dalam kalangan rakyat," katanya dalam nota penyelidikannya.

Mas Aida juga menambah, langkah pelancongan lebih agresif membantu meningkatkan kedatangan pelancong asing ke Malaysia dengan sasaran 31.4 juta pelancong pada 2025.

Beliau berkata, program libe-

ralisasi visa dan insentif penerbangan khas akan menyokong sasaran itu yang dijangka memberi kesan positif terhadap sektor perkhidmatan, termasuk perbelanjaan pelancong.

Bantuan kurangkan impak

Mas Aida turut mengingatkan, walaupun prospek ekonomi domestik Malaysia tetap kukuh dengan pelaksanaan projek infrastruktur bernilai ringgit, cabaran lain seperti kenaikan tarif elektrik, penyemakan semula subsidi bahan api serta kenaikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) berpotensi memberi risiko kepada pertumbuhan ekonomi.

Namun, beliau menjelaskan langkah bantuan kerajaan lebih besar kepada golongan rentan membantu mengurangkan impak

negatif terhadap kos sara hidup.

Menurut CGS International, walaupun aktiviti ekonomi global mungkin terjejas dengan potensi gangguan perdagangan, Malaysia dijangka terus mengukuhkan kedudukan dalam sektor elektrik dan elektronik yang turut menyumbang kepada kekuatan eksport negara.

Oleh itu, jangkaan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada 2025 adalah 4.6 peratus, meskipun terdapat ketidakpastian di peringkat global.

Langkah itu dijangka akan membantu Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhannya dengan fokus kepada pengukuhan permintaan domestik dan pelaburan yang menyokong sektor kritikal dalam ekonomi negara.

BERITA HARIAN

28 JANUARI 2024

BH|KREATIVITI SENI KAIT KINI BERINOVASI, PELBAGAI PILIHAN| MS 23

Kreativiti seni kait kini berinovasi, pelbagai pilihan

Produk hasil tangan dengan bermacam rekaan dapat sambutan menggalakkan

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhrencana@bh.com.my

Apabila menyebut mengenai seni kait, pasti ramai terlintas barangan dihasilkan antaranya adalah seperti alas meja, baju panas, pakaian bayi dan kotak tisu.

Bagaimanapun, seiring pe-redaran zaman, barangan seni kait kini turut tampil berinovasi dengan pelbagai pilihan seperti jambangan bunga, rantai kunci, anak patung, beg tangan dan macam-macam lagi.

Kepelbagaian itu menyebabkan barangan hasil tangan seni kait semakin menjadi pilihan hingga menyebabkan tukang kait tidak menang tangan

menyiapkan tempahan.

Berkebolehan mengait pelbagai barangan kait, Salawati Abas, 57, berkata jika dahulu barangan seni kait dihasilkannya terbatas, kini dengan kemahiran yang sama, pelbagai rekaan boleh dibuat.

Malah katanya, semuanya hanya dipelajari menerusi aplikasi dan media sosial seperti YouTube, TikTok, Instagram dan Facebook sahaja.

"Dengan kemahiran yang ada juga, saya boleh mereka cipta sendiri apa sahaja bentuk yang ingin dikait seperti beg, bunga atau patung dalam pelbagai bentuk.

"Sekarang ini orang ramai suka menempah jambangan bunga dan bunga dalam kotak kerana ia sesuai untuk semua acara termasuk Hari Guru, majlis perpisahan, hari graduasi dan sebagainya," katanya kepada BH.

Buat secara sambilan

Salawati yang bekerja sebagai kerani di Bestari Jaya, Kuala Selangor, menjadikan seni kaitan itu sebagai kerja sambilan berkata, tempoh diambil untuk menyiapkan sebarang tempahan bergantung kepada jenis barangan.



Salawati bersama koleksi barangan kait yang sentiasa mendapat permintaan.

Dia mampu menyiapkan dua jambangan bunga dalam tempoh seminggu, manakala barangan yang kecil seperti rantai kunci dalam tempoh dua hari.

"Walaupun ini bukan pekerjaan hakiki saya gembira melakukannya, malah dalam tempoh dua tahun ini, saya aktif semula mengait, tidak sangka dapat sambutan," katanya yang banyak menerima tempahan menerusi Facebook.

Ibu kepada empat anak itu berkata, dia minat mengait sejak za-

man persekolahan dan di dalam keluarganya tiada sesiapa minat kemahiran itu.

Katanya, ketika berusia 17 tahun, dia melihat makcik yang mengajarnya mengaji al-Quran mengait dan meminta wanita itu mengajarnya.

"Saya kemudian mempraktikkannya dengan mengait alas meja dan alas sofa untuk kegunaan rumah keluarga.

"Selepas tamat sekolah, saya terus belajar lagi di sebuah kedai hingga kemudiannya diberikan

tugasan untuk mengait pakaian sejuk untuk pramugara dan juruterbang.

"Bagaimanapun, selepas berkahwin, saya kurang mengait kerana kekangan masa terutama selepas mendapat anak," katanya.

Salawati berharap perusahaannya itu terus berkembang dan lebih ramai terutama anak muda menunjukkan minat dan memberi tumpuan dalam bidang itu kerana ia mampu menjana pendapatan.

BERITA HARIAN

29 JANUARI 2024

BH | DOSM JANGKA PROSPEK EKONOMI KEKAL KUKUH | MS 24

DOSM jangka prospek ekonomi kekal kukuh

Prospek ekonomi Malaysia terus optimis dengan sokongan daripada prestasi tenaga buruh membe-rangsangkan, perdagangan luar kukuh serta kadar inflasi yang sederhana.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam satu kenyataan berkata, ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar 4.5 peratus untuk tahun 2025 berdasarkan Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 1/2025 yang diterbitkan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, menjelaskan bahawa pertumbuhan pada suku keempat

2024 diunjur mencapai 4.8 peratus disokong sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Prestasi sepanjang 2024 di-anggarkan mencatatkan pertumbuhan keseluruhan sebanyak 5.1 peratus.

"Permintaan domestik yang kukuh, pemulihan sektor luar, serta pelaburan strategik dalam tenaga boleh diperbaharui dan infrastruktur digital menjadi pemacu utama pembangunan mampan negara," katanya.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pada November 2024 mencatatkan pertumbuhan 3.6 peratus tahun ke tahun, dido-

rong sektor pembuatan yang meningkat 4.6 peratus dan subsektor elektrik yang menokok 3.9 peratus.

Jualan sektor pembuatan juga menunjukkan lonjakan kepada RM161.9 bilion, dengan peningkatan ketara dalam subsektor makanan, minuman & tembakau (+12.3 peratus) dan peralatan elektrik & elektronik (+7.1 peratus).

Di samping itu, sektor perkhidmatan turut mencatat prestasi yang baik dengan jualan perdagangan borong & runcit berjumlah RM149.3 bilion, meningkat 4.7 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Kadar inflasi Malaysia mereda kepada 1.7 peratus pada Disember 2024, menjadikan kadar inflasi tahunan 2024 pada paras 1.8 peratus, menandakan penurunan inflasi dua tahun berturut-turut.

Pasaran buruh Malaysia juga menunjukkan prestasi positif dengan kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 70.5 peratus pada November 2024. Jumlah penduduk bekerja bertambah 1.9 peratus kepada 16.75 juta orang, manakala kadar pengangguran kekal stabil pada 3.2 peratus.

Pada penghujung 2024, prestasi perdagangan Malaysia mencatat

pertumbuhan dua digit sebanyak 14.6 peratus kepada RM257.9 bilion, dengan eksport meningkat 16.9 peratus kepada RM138.5 bilion. Prestasi kukuh ini memberikan asas ekonomi yang lebih mantap menjelang 2025.

Indeks Pelopor (IP) Malaysia meningkat 2.5 peratus pada November 2024, mencerminkan potensi pertumbuhan yang kukuh.

Walaupun IP berada di bawah tren jangka panjang, permintaan domestik yang kukuh dan peningkatan eksport semikonduktor dijangka terus menyokong ekonomi Malaysia dalam menghadapi cabaran global.

BERITA HARIAN

29 JANUARI 2024

BH|42,689 USAHAWAN RAIH MANFAAT PEMBIAYAAN RM1.084 BILION| MS 14

42,689 usahawan raih manfaat pembiayaan RM1.084 bilion

Kuala Lumpur: Seramai 42,689 usahawan koperasi serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Sarawak menerima manfaat hasil pembiayaan RM1.084 bilion disalurkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) tahun lalu.

Jumlah itu meningkat berbanding RM731.205 juta yang disalurkan kementerian itu kepada 42,006 usahawan pada 2023.

Menterinya, Datuk Ewon Benedick, berkata peruntukan itu disalurkan melalui tujuh agensi di bawah KUSKOP iaitu Bank Rakyat, SME Bank, TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), SME Corp Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Beliau yakin, susulan kerancakan pembangunan ekonomi di Sarawak, jumlah pembiayaan akan meningkat tahun ini.

“Saya amat yakin kita boleh menambah lagi pembiayaan di-

perlukan usahawan PMKS dan koperasi di Sarawak di bawah inisiatif Dasar Pandang Ke Timur Dalam Negara kita.

“Dasar ini membolehkan kementerian kita memberi fokus tambahan kepada pembangunan usahawan dan koperasi di Sarawak dan Sabah,” katanya pada sidang media selepas majlis peluncuran Program Digital Desa Bank Rakyat 2025 di Gedong, Sarawak yang disempurnakan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Ewon berkata, antara geran pembiayaan disediakan untuk usahawan PMKS adalah geran khas usahawan Bumiputera Sabah dan Sarawak, Premis Tamu Desa dan Program Digital Desa Bank Rakyat.

Terdahulu ketika berucap, Ewon berkata Program Digital Desa Bank Rakyat adalah inisiatif Bank Rakyat membawa perkhidmatan perbankan digital dan perkhidmatan digital lain kepada rakyat di luar bandar.



Abang Johari bersama Ewon melawat peniaga setempat selepas merasmikan majlis peluncuran Program Digital Desa Bank Rakyat 2025 di Gedong, Sarawak, semalam. (Foto BERNAMA)

“Sejak kunjungan hormat pertama saya kepada Premier Sarawak pada awal 2023 sebaik diberi amanah di kementerian ini, saya menyatakan tanpa mengurangkan fokus sedia ada di kementerian seluruh negara, saya mahu memberi fokus tambahan kepada Sabah dan Sarawak.

“Dengan kerjasama kerajaan Sarawak, banyak inisiatif kita laksanakan di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata, melalui Dasar Pandang Ke Timur Dalam Ne-

gara, kementerian memberi fokus tambahan di wilayah Borneo antaranya melantik Ahli Lembaga Pengarah dari negeri ini untuk menganggotai lima agensi di bawah KUSKOP bagi memastikan perkhidmatan kementerian dan agensi itu dapat mencakupi keperluan di Sarawak.

Selain itu, katanya, KUSKOP buat pertama kali pada tahun lalu melaksanakan projek premis Tamu Desa khusus untuk Sabah dan Sarawak.

“Setakat ini 39 tapak membabitkan peruntukan RM7.6 juta dibina dan dinaik taraf di Sarawak.

“Di bawah geran khas usahawan Bumiputera Sabah dan Sarawak yang juga diperkenalkan buat pertama kali oleh KUSKOP pula, 50 usahawan Sarawak menerima geran membabitkan peruntukan RM4.91 juta.

“Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) juga membuka pejabat perkhidmatannya di Sarawak pada tahun 2023,” katanya.

Malaysia berpotensi raih manfaat jangka panjang

Malaysia mempunyai kelebihan tersendiri sebagai pemain berdaya saing dalam pusat data dan teknologi meskipun kemunculan syarikat pemula kecerdasan buatan (AI) dari China, DeepSeek menimbulkan kebimbangan dalam pasaran global, kata penganalisis.

Ketua Penyelidikan Pelaburan UOB Kay Hian Wealth Advisors Sdn Bhd, Mohd Sedek Jantan, berkata walaupun kemajuan DeepSeek menimbulkan kebimbangan mengenai peralihan dinamik persaingan, pasaran tempatan diposisikan untuk mendapat manfaat dalam pelbagai cara.

Beliau berkata, apabila firma global menilai semula strategi perbelanjaan modal mereka, sektor pusat data Malaysia boleh

menyaksikan peningkatan permintaan untuk penyelesaian yang kos efektif.

Katanya, ia amat relevan memandangkan klasifikasi Tahap 2 pentadbiran Joe Biden baru-baru ini untuk Malaysia, yang bertentangan dengan kebimbangan awal, tidak mungkin memberi kesan kepada kedudukan kompetitifnya.

“Peningkatan model AI yang cekap kos seperti DeepSeek-V3 boleh menggalakkan pusat data Malaysia untuk memberi tumpuan kepada kecekapan dan kebolehskalaan.

“Ini adalah trend jangka panjang yang positif kerana ia mengukuhkan daya tahan sektor dan kelebihan daya saing,” kata-

nya kepada *BH*.

Mohd Sedek bagaimanapun memberi amaran mengenai risiko geopolitik yang masih kekal memandangkan kemungkinan ketegangan perdagangan AS-China dengan kembalinya Donald Trump dalam pentadbiran Amerika Syarikat (AS), yang secara tidak langsung boleh menjejaskan sektor teknologi Malaysia.

Katanya, buat masa ini, pihaknya menganggap kemungkinan tarif perdagangan segera dikenakan kepada teknologi berkaitan AI adalah rendah, memandangkan kompleksiti memisahkan rantai bekalan global.

Sementara itu, Mah Sing Group Bhd dalam satu kenyataan menyifatkan kejayaan Deep-

Seek dalam AI menggunakan cip AI berkuasa rendah adalah perkembangan memberangsangkan untuk usaha pusat datanya.

Katanya, ia terutama dalam konteks permintaan yang semakin meningkat untuk pengkomputeran berprestasi tinggi.

“Memandangkan penggunaan AI terus meningkat, kedua-dua cip berkuasa tinggi dan rendah akan menyumbang kepada peningkatan ketara dalam keperluan untuk infrastruktur pusat data termaju.

“Dalam persekitaran ini, tanah berhampiran hab tenaga akan menjadi semakin berharga,” katanya.

Justeru, Mah Sing menjelaskan bahawa Southville City, dengan kesesuaian strategiknya sebagai Hab AI, berada pada kedu-

dukan yang ideal untuk memanfaatkan trend itu.

Ia berkata, Pusat Data Southville, dengan akses segeranya kepada tenaga berkapasiti yang boleh dipercayai dan lebih tinggi, menawarkan kelebihan daya saing dalam mempercepatkan penggunaan pasaran untuk rakan kongsi pusat datanya.

“Ini, ditambah pula dengan pendekatan inovatif DeepSeek, meletakkan pusat data dipacu AI sebagai tulang belakang masa depan ekonomi digital, memastikan mereka dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk kuasa pengkomputeran dan kebolehpercayaan tenaga pada era transformatif ini,” katanya.